



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruang 7369]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruang 7378]

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Orang-orang Papa [Ruang 7379]

Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (WUryah Persekutuan) [Ruang 7418]

Rang Undang-undang Kemajuan Petrolam (Pindaan) [Ruang 7432]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N. S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOP, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y. M. TENKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- „ **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HONG NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.I.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA alias HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'AKUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHEUNG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan)

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kadowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- .. DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- .. DATUK SYED NAHAR BIN SYED SHEH SAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- .. RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- .. TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- .. TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- .. TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- .. TUAN S. SAMY VELLU (Sungai Siput).
- .. TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- .. DATUK SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- .. TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONO (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- .. TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- .. TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- .. TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN ABDULLAH (Ulu Muda).
- .. TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 16hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

YAYASAN TUN ABDUL RAZAK

1. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar
minta Menteri Kewangan menerangkan:

- (a) Setakat ini berapakah jumlah wang dan harta benda yang telah terkumpul dalam Yayasan Tun Abdul Razak;
- (b) Sehingga hari ini berapa buah negeri-negeri di Malaysia yang telah memberikan derma atau sumbangan kepada Yayasan Tun Abdul Razak dan jumlah sumbangan negeri-negeri itu;
- (c) Badan-badan Swasta, Syarikat-syarikat perniagaan atau badan-badan lainnya yang telah memberikan sumbangan kepada Yayasan ini dan jumlah sumbangan mereka;
- (d) Nama-nama orang yang menganggotai Yayasan Tun Abdul Razak itu; dan
- (e) Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Yayasan ini sejak ia ditubuhkan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah wang yang telah diperolehi oleh Yayasan Tun Razak sehingga 1hb Disember, 1976 adalah \$2,597,920.80 dan terbahagi seperti berikut:

(i) Sumbangan yang telah diterima ...	\$1,593,308.60
(ii) Sumbangan yang telah dijanjikan	989,487.20
(iii) Faedah simpanan tetap ...	15,125.00
JUMLAH ...	\$2,597,920.80

Selain daripada itu, ada juga diterima sumbangan berupa 1,000 saham Malaysian Textile Industries Berhad. Sumbangan yang terbaru dan besar sekali ialah daripada Bank Negara Malaysia iaitu sebanyak satu juta ringgit.

- (b) Sehingga 1hb Disember, 1976 tiga buah negeri di Malaysia telah mendermakan wang kepada Yayasan Tun Razak seperti berikut:

(i) Kerajaan Negeri Johor ...	\$100,000.00
(ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang ...	50,000.00
(iii) Kerajaan Negeri Kedah ...	10,000.00
JUMLAH ...	\$160,000.00

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Sabah telah berjanji akan memberi 2,000 ekar ladang koko.

- (c) Ada sebanyak 705 buah Badan-badan Swasta, syarikat-syarikat perniagaan, lain-lain badan dan orang-orang perseorangan telah memberi sumbangan berjumlah melebihi \$2.4 juta seperti berikut:

- (i) Sebanyak 384 buah Badan-badan Swasta dan Syarikat-syarikat telah memberi sumbangan atau membuat perakuan akan memberi sumbangan sebanyak lebih kurang \$2.2 juta.
- (ii) Sebanyak 199 kelab-kelab, persatuan-persatuan dan kumpulan-kumpulan telah memberi sumbangan atau membuat perakuan akan memberi sumbangan sebanyak hampir \$250,000.00.
- (iii) Seramai 122 orang perseorangan ada juga memberi sumbangan hampir \$30,000.00.

- (d) Ahli-ahli Lembaga Yayasan Tun Razak belum lagi dilantik oleh kerana Akta Yayasan Tun Razak baru sahaja mendapat perkenan Di Raja dan oleh itu usaha-usaha lain belum dijalankan lagi.

BADAN-BADAN BERKANUN

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam memberikan senarai yang lengkap nama-nama Pihak Berkuasa Berkanun peringkat Persekutuan dan Negeri semenjak Merdeka 31-8-1957 hingga sekarang.

Menteri Perusahaan Awam (**Datuk Haji Mohamed bin Yacob**): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bukan semua badan-badan berkanun terletak di bawah Kementerian saya. Badan-badan berkanun yang di bawah Kementerian saya hanyalah:

1. Majlis Amanah Rakyat (MARA) 1966
2. Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) 1971
3. Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia (FIMA) 1972
4. Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia 1973
5. Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad 1960
6. Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) 1971
7. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964
8. Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (L.K.N.P.) 1965
9. Lembaga Kemajuan Negeri Kedah 1965
10. Lembaga Kemajuan Negeri Perlis 1973
11. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan 1966
12. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Trengganu 1965
13. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Johor 1968
14. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Perak 1967

15. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Pulau Pinang 1969
16. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Melaka 1969
17. Lembaga Kemajuan Iktisad Negeri Sembilan 1969
18. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah 1971
19. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak. 1972

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PETANI-PETANI

3. **Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk menganjur lawatan-lawatan oleh petani-petani dari Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya untuk mendapat persefahaman yang lebih rapat di antara petani-petani kita mengenai pengeluaran yang lebih baik dan pertambahan hasil.

Menteri Pertanian (**Datuk Ali bin Haji Ahmad**): Tuan Yang di-Pertua, akan dikhtiarkan.

ISTERI DIPAKSA MENJADI PELACUR

4. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan tegas yang telah dibuat ke atas suami-suami yang dikatakan memaksa isteri-isterinya menjadi pelacur dan nyatakan bilangan kejadian terkutuk itu mulai dari tahun 1970 hingga 1975.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (**Datuk Shariff Ahmad**): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang kejadian mengenai suami-suami yang memaksa isteri-isterinya menjadi pelacur di dalam jangka masa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, jika sekiranya diterima pengaduan rasmi tentang kejadian tersebut, tindakan yang sewajarnya akan dikenakan terhadap orang-orang yang melakukan perbuatan yang terkutuk itu di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis No. 106/1973 atau di bawah Enakmen Kodiaman Terhad, Bab 9.

PENGEDARAN DADAH ANAK PEGAWAI POLIS

5. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah perbicaraan terhadap seorang anak Pegawai Polis Kanan yang tertangkap di Brickfields mengenai pengedaran dadah beberapa bulan yang lalu hendak dibicarakan. (Report No. 2316/75).

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak yang dituduh sebenarnya ialah seorang dewasa yang sudah berumahtangga. Beliau telah dihadapkan ke Mahkamah pada 13hb November, 1975 atas tuduhan-tuduhan di bawah Seksyen 6 Ordinan Dadah Merbahaya No. 30/52 dan Seksyen 324 Kanun Kesiksaan tetapi pembicaraan kesnya telah ditangguhkan kepada 27hb-29hb April. 1977.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat iaitu dalam menguatkuasakan sebarang undang-undang pihak Polis tidak memilih bulu untuk mengambil tindakan keatas sesiapa pun bagi menjamin kedaulatan undang-undang.

KANAK-KANAK WARGANEGARA MALAYSIA DILAHIRKAN DI LUAR NEGERI

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan menyiasat dengan teliti warganegara Malaysia di luar negeri yang melahirkan anak dan mendaftarkan anak-anak mereka di Kedutaan Malaysia; dan
- (b) adakah benar mereka mendaftarkan beberapa kali dalam tempoh setahun dan kalau benar berapa ramaikah bilangan warganegara yang berbuat demikian.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menyatakan bahawa:

- (a) Sebelum sesuatu permohonan untuk mendaftarkan kanak-kanak Warganegara Malaysia yang dilahirkan di luar negeri didaftarkan, Kerajaan memang perlu menyiasat permohonan itu dengan teliti dan pendaftaran hanya

dibuat jika sekiranya pihak Pejabat Kedutaan Malaysia yang berkenaan berpuas hati.

- (b) Kerajaan tidak mempunyai maklumat yang menunjukkan ada berlakunya pendaftaran seseorang kanak-kanak itu telah dibuat lebih daripada sekali. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang maklumat mengenai perbuatan yang dikatakan itu, silalah Ahli Yang Berhormat sampaikan maklumat-maklumat itu kepada Kementerian ini dan saya memberi jaminan bahawa penyiasatan akan diambil terhadap pihak yang berkenaan.

PENDAPATAN NELAYAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam usaha-usaha Kerajaan bagi meninggi dan menambahkan pendapatan kaum nelayan setakat ini dan adakah benar dakwaan kaum-kaum nelayan khususnya di Pantai Timor bahawa pendapatan mereka masih seperti biasa dan kalaulah benar adakah bererti usaha-usaha Kerajaan selama ini masih belum boleh dianggap berjaya.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan itu belum lagi memuaskan Kerajaan. Walaupun begitu dengan usaha Kerajaan, sebagaimana diterangkan secara ringkas dalam Dewan ini pada 23-11-76 semasa menjawab satu pertanyaan lisan pada keseluruhannya pendapatan kaum nelayan adalah bertambah. Jika pendapatan seorang nelayan di Pantai Timor dalam tahun 1969 pukul rata \$57 sebulan maka pendapatannya telah bertambah kepada \$150 sebulan dalam tahun 1974. Bahkan ada nelayan yang menyertai projek-projek MAJUJIKAN telah mendapat \$150-\$400 sebulan. Oleh yang demikian, dakwaan adalah itu tidak benar.

GURU-GURU UGAMA

8. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa didapati sehingga hari ini guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah kebangsaan masih lagi belum diambil sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran, oleh sebab itu pengambilalihan sekolah-sekolah agama rakyat

oleh kerajaan negeri masing-masing telah tergendala, terutamanya di negeri Kelantan. Apakah sebabnya yang membawa kepada kelewatan itu berlaku.

Tambahan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebab kelewatan mengambilalih guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah itu ialah kerana Kesatuan Guru UGAMA Malaysia Barat menghendaki Kerajaan menyelesaikan tuntutan-tuntutan mereka terlebih dahulu sebelum pengambilalih itu dilaksanakan. Ini menyebabkan perlaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1975 mengenai pengambilalih itu ditangguhkan. Walau bagaimanapun, satu Pekeliling Perkhidmatan yang baru akan dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam sedikit masa lagi dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

BILANGAN DOKTOR-DOKTOR

9. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan hal-hal yang berikut:

- (a) berapa banyak lagi doktor-doktor yang diperlukan oleh Negara kita setakat ini mengikut matlamat Kerajaan (Tiap-tiap negeri);
- (b) berapa ramai pelajar kita di dalam jurusan perubatan yang mendapat biasiswa Kerajaan (Samada di dalam atau luar negeri) yang dijangka bertambah dalam tempoh LIMA tahun yang akan datang;
- (c) dalam tempoh lima tahun lagi (dalam tahun 1981) di JANGKA berapa peratuskah lagi keperluan Doktor akan dikehendaki oleh Negara; dan
- (d) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi kekurangan doktor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan doktor-doktor (Perubatan) yang diperlukan oleh Kementerian Kesihatan setakat ini bagi tiap-tiap negeri mengikut matlamat Kerajaan adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Jawatan	Ditst Diperlukan	
Perlis	35	23	12
Kedah	126	91	35
Pulau Pinang	157	129	28
Perak	293	215	78
Selangor	92	83	9
Wilayah Persekutuan	229	209	20
Negeri Sembilan	122	93	29
Melaka	81	54	27
Johor	229	158	71
Pahang	127	81	46
Trengganu	90	62	28
Kelantan	98	80	18
Sabah	106	57	49
Sarawak	86	69	17
	1,871	1,404	467

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, biasiswa-biasiswa Kerajaan bagi jurusan perubatan adalah diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga oleh Bahagian Latihan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan bukan oleh Kementerian Kesihatan. Bilangan penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dari tahun 1970 hingga 1976 ialah seperti berikut:

Tahun	JUMLAH PENUNTUT	
	Luar Negeri	Dalam Negeri
1970	51	39
1971	13	36
1972	15	21
1973	41	19
1974	27	182
1975	38	58
1976	29	155
JUMLAH BESAR ...	214	510

Bilangan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus perubatan dengan biasiswa dan pinjaman MARA di dalam dan di luar negeri adalah seperti berikut:

	JUMLAH PENUNTUT	
	Luar Negeri	Dalam Negeri
Biasiswa	115	52
Pinjaman	13	4

Mereka ini dijangka akan tamat pengajian dalam masa 5 tahun yang akan datang.

(c) Bagi perkhidmatan rawatan pesakit bagi 5 tahun akan datang sehingga hujung 1980 tambahan sebanyak 800 doktor-doktor lagi baru adalah diperlukan. Bagi perkhidmatan kesihatan pula, tambahan sebanyak 246 lagi doktor-doktor baru adalah diperlukan dalam jangka masa 5 tahun lagi sehingga hujung tahun 1980.

(d) Soalan yang sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 27-7-1976 di Dewan ini dan Kementerian Kesihatan telahpun memberi jawapannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum soalan tambahan, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, soal-soal yang memerlukan jawapan yang panjang seperti ini, angka-angka mengikut tahun untuk beberapa tahun, eloklah bertanya dengan cara soal bertulis. Jadi, tidak banyak memakan masa untuk soal-mulut. Pada masa akan datang perkara ini boleh diambil tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 21 (3) iaitu Yang di-Pertua boleh tandakan soal bertulis walaupun pertanyaan itu kehendak Ahli Yang Berhormat soal mulut, melainkan berkehendak soal tambahan yang disegerakan, itu patutlah bertanya dalam soal mulut.

Tuan Embong bin Haji Yahya: Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi Negeri Johor adalah mengalami kekurangan doktor yang paling banyak kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Negeri lain kurang 10, 15 atau 20 kalau tidak salah saya, di Negeri Johor kekurangan 70 doktor. Adakah Kementerian bercadang bawah menjelang tahun hadapan akan dihantar lebih banyak doktor ke Negeri Johor supaya penimbangan kekurangan itu tidak banyak sangat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapan pertanyaan Yang Berhormat sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan iaitu termasuk di dalam jawapan (b).

WANG DIHANTAR KE LUAR NEGERI

10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dihantar keluar negeri bagi tahun 1974 dan 1975 serta nyatakan sebab-sebab mengapa wang tersebut dikirimkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang telah dihantar keluar negeri bagi tahun 1974 ialah sebanyak \$10,657 juta dan bagi tahun 1975 sebanyak \$10,787 juta. Kebanyakan wang-wang yang dihantar keluar negeri ini telah dibuat untuk membayar impot-impot ke Malaysia di samping sejumlah yang besar wang-wang ini dihantar keluar negeri oleh syarikat-syarikat asing di Malaysia yang menghantar balik keuntungan dan dividend kepada pemegang-pemegang saham asing di luar negeri dan pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh rakyat Malaysia. Selain daripada itu, terdapat juga pelaburan-pelaburan di luar negeri yang dibuat oleh rakyat Malaysia dari bayaran perkhidmatan yang dibuat di luar negeri, tetapi jumlahnya sangatlah sedikit.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pemaju-pemaju Perumahan Mengawal dan Melesen 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN (PERATURAN PEKERJAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Bertfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Disember, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini telah dikemukakan dengan bacaan kali yang kedua dan Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah memulakan perbahasan pada hari semalam dan bolehlah Yang Berhormat menyambung ucapannya.

2.54 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyambung sedikit lagi daripada ucapan saya semalam mengenai dua orang peminta sedekah di hotel yang tertentu di Kuching itu. Tidak lama kemudian saya telah difahamkan oleh kakitangan hotel itu yang menerangkan kedua orang yang berkenaan itu sebenarnya bukanlah orang susah bahkan mereka itu pernah mempunyai tugas-tugas yang tertentu serta tidak benar mereka itu telah ditimpa oleh kesusahan.

Sebenarnya, mereka itu mengambil kesempatan berpura-pura sebagai orang yang mendapat kesusahan supaya orang menghulurkan sedekah bagi membantu mereka. Beginilah setengah-setengah cara peminta sedekah di tanahair kita ini untuk mendapatkan wang dengan jalan yang senang dan mudah. Kebetulan pula mereka ini pandai mencari orang yang hendak ditujunya iaitu siapa sahaja yang dikenali, tetapi orang ini

tidak dapat mengenal langsung peminta sedekah ini. Selepas sahaja mereka mendapat sedekah dan bantuan dengan cepat mereka itu melarikan diri, beginilah apa yang telah benar-benar terjadi dan saya telah memberi sedekah kepada orang yang berkenaan atas belas kasihan mendengar rayuan yang begitu bijak dan pandai menarik perasaan untuk kita memberi sedekah kepada mereka. Oleh yang demikian, mungkin juga ada orang yang serupa itu berpura-pura mengemis atau meminta sedekah dan yang menjadi kutu rayau di negeri-negeri atau bandar-bandar di negara kita ini.

Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kita berharap pihak yang berkenaan dapat memberkas orang yang berpura-pura itu sebagai satu jalan yang baik bagi kepentingan orang yang berkenaan itu sendiri dan tidak memburukkan nama negara Malaysia yang kaya raya jika perkara seperti ini diketahui oleh rakyat negara asing yang datang melawat ke negara kita ini. Ini juga sangat memalukan negara kita jika terdapat ramai orang yang berharap meminta sedekah dengan jalan yang sedemikian. Kita berharap orang yang telah membuat perkara seperti yang saya sebut awal tadi bertaubat dan insaf supaya tidak mengulangi lagi perbuatan yang dikutuk ramai dan sial itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini. Dengan adanya pihak yang berkenaan menentukan siapakah yang benar-benar patut untuk masuk dan tinggal sebagai penghuni di rumah kebajikan. Jika tidak saya rasa mungkin ada juga orang yang mengambil peluang untuk diam dan rihat sebagai penghuni di tempat tersebut. Ini sudah tentu pihak yang berkenaan menanggung perbelanjaan bukan kepada orang yang patut berhak menerimanya atau mendapat perlindungan hidup sebagai orang papa.

Rang Undang-undang ini juga melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan bagi menampung gaji pegawai-pegawai dan belanja pengambilannya. Walaupun demikian, saya yakin Kementerian ini tidak sukar untuk mendapat wang tambahan dengan adanya hasil pendapatan kutipan daripada Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat yang memang pada hakikatnya untuk faedah dan kepentingan seumpama yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini. Dengan adanya

kerjasama Kementerian ini dan Kementerian Kebajikan Negeri Sarawak segala perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab di bawah Kementerian ini dapat berjalan lebih baik dan sempurna bagi menghapuskan kutu rayau yang boleh menjejaskan pembangunan negara jika dibiarkan berleluasan. Saya percaya Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak berharap sangat atas bantuan kewangan daripada Kementerian yang berkenaan ini demi melaksanakan projek-projek yang perlu dan penting untuk berkhidmat membantu rakyat di Negeri Sarawak di dalam perkara kebajikan khasnya.

2.57 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menarik pandangan mengenai Rang Undang-undang orang-orang Papa, 1976. Rang Undang-undang ini sebagaimana yang kita ketahui adalah menggantikan Rang Undang-undang Kutu Rayau, 1965 yang telah diluluskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang miskin, sengsara dan melarat adalah banyak. Walaupun tidak ada perangai yang tepat namun pada dasarnya orang-orang yang melarat ini boleh juga dianggap sebagai pengemis-pengemis di tepi jalan. Dengan adanya Rang Undang-undang yang baru ini pengemis-pengemis atau peminta-peminta sedekah akan dapat ditempatkan di satu tempat yang sempurna di samping dapat dijaga dan diatur serta dikawal dengan rapi. Kita mempunyai ramai pengemis-pengemis, mereka terdiri daripada berbagai keturunan dan bangsa, maka dengan adanya Rang Undang-undang ini adalah diharap nasib mereka yang melarat itu dapat dibela.

Saya juga telah menyentuh mengenai pengemis-pengemis ataupun peminta-peminta Sedekah di dalam masa perbincangan peruntukan Pembangunan bagi Kementerian ini tempoh hari. Dengan berkuatkuasa Rang Undang-undang ini kelak maka saya berharap bahawa pengemis-pengemis itu tidak lagi menunggu belas ihsan di merata-merata tempat dan di jalan-jalan khasnya di Masjid Negara Kuala Lumpur. Kita boleh dapati bahawa ramai pengemis-pengemis ini menunggu belas ihsan pada tiap-tiap hari Jumaat. Adalah diharapkan pada masa yang akan datang pengemis-pengemis ini tidak kelihatan lagi di sana.

Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Penasihat Keluarga dan Kesejahteraan adalah satu perkhidmatan yang sangat berguna kepada mereka. Ia dapat memberi bimbingan dan panduan yang sempurna kepada mereka, mudah-mudahan dengan rancangan yang begitu teratur dan berkesan maka dapat mereka itu hidup dengan lebih sempurna seperti rakyat biasa. Pembelaan terhadap mereka adalah perlu dan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Anggaran Pembangunan yang telah diluluskan pada 9hb Disember, 1976, Kementerian ini mendapat peruntukan yang paling kecil sekali. Tugas-tugas yang dibebankan kepada Kementerian ini adalah berat. Ia bukan sahaja memulih orang-orang cacat anggota, cacat akal, orang-orang tua dan pesakit-pesakit yang melarat, menjaga rumah kanak-kanak, pemulihan akhlak dan pemulihan penagih-penagih dadah, malahan memberi kesempurnaan hidup kepada mereka di samping memberi pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya peruntukan yang besar tidak didapati oleh Kementerian ini saya rasa tugas-tugas yang dibebankan kepada Kementerian ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Oleh itu, saya ingin mengesyorkan bahawa badan-badan perniagaan, seperti Social Welfare Lottery dan juga Empat Nombor Ekor boleh memberi sumbangan yang besar kepada Jabatan ini supaya dapat digunakan untuk meluaskan aktiviti dalam memberikan kehidupan yang sempurna kepada orang-orang yang melarat itu. Kita sedia maklum bahawa tuntutan-tuntutan pemenang-pemenang tiket loteri banyak yang tidak mengambilnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya perkara itu terkeluar sedikit daripada Rang Undang-undang ini. Kalau sedikit-sedikit itu pun tidak apalah. Jangan banyak menyimpang.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana wang yang tersimpan dan terkumpul ini terlalu banyak, maka Kementerian Kebajikan Masyarakat boleh mendapat bantuan peruntukan yang lebih besar daripadanya. Kerjasama daripada badan-badan perniagaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah perlu. Ini, saya

fikir satu daripada cara yang dapat menambahkan peruntukan tambahan Kementerian ini untuk membiayai rancangannya di samping memberi keselesaan hidup kepada orang-orang yang melarat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan bahawa di Pantai Timur, khususnya di Kelantan, telah ada peruntukan untuk rumah-rumah orang tua. Dari itu, saya berharap supaya pada masa yang akan datang pembinaan untuk rumah orang-orang tua atau rumah kebajikan seperti yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini dapat didirikan di Kelantan, gunanya untuk menjaga dan memulih orang-orang yang melarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

3.04 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Orang-orang Papa 1976 dan dalam itu juga saya ingin membawa perhatian Kementerian ini kepada beberapa perkara untuk mendapat penjelasan dan keterangan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana dengan adanya undang-undang ini maka sekarang Kerajaan telah mengakui bahawa pengemis-pengemis ini bukan penjenayah, tetapi manusia-manusia yang memerlukan bantuan dan perhatian.

Perkara yang pertama yang saya ingin membawa perhatian Kementerian ini ialah di atas definisi "mengemis" dalam Fasal 2.

2. "mengemis" ertinya apa-apa kelakuan yang dikira akan mendorong pemberian sedekah, samada atau tidak ada perbuatan pura-pura menyanyi, bermain, berlakun, menawarkan sesuatu untuk jualan atau selainnya."

Adakah ini termasuk yang mengemis di kaki-kaki lima masjid-masjid. Jika masuk adakah ini tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Itu yang pertama.

Yang kedua, di atas definisi "orang papa":

"(a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-

orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga mengadakan kecauganggu."

Inilah yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini tidak termasuk mereka yang duduk di tepi-tepi jalan meminta sedekah tetapi tidak menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu. Adakah termasuk mereka ini ataupun cuma erti orang papa terkhas kepada mereka yang merayau, menarik tangan orang-orang lalu-lalang untuk meminta sedekah atau termasuk mereka yang duduk ditepi jalan cuma dengan tempang tidak kacau sesiapa pun.

Pada fikiran saya dalam definisi ini orang papa tidak termasuk. Kalau begitu yang benar pada fikiran saya ini kurang adil kerana mereka yang duduk di tepi-tepi jalan meminta sedekah untuk belas kesihan orang lain sungguhpun mereka tidak mendatangkan gangguan kepada orang lalu-lalang mereka ini juga perlu diberi bantuan. Dan ini tidak boleh disamakan, bukan synonymous dengan Fasal 2 (1) (b), sebab 2 (1) (a) mengutamakan pada mengemis walhal (b) ialah peleser (idlers). Jadi, adakah idlers ini termasuk dalam definisi orang papa tetapi tidak termasuk mereka yang duduk di tepi jalan meminta sedekah tetapi tidak menganggu siapa-siapa. Ini juga saya minta penjelasan dari Menteri yang berkenaan.

Fasal 3 (3) iaitu pegawai-pegawai awam ataupun seseorang pegawai yang diberi kuasa ataupun pegawai polis boleh membawa pengemis-pengemis ini atau orang-orang papa ini dan dalam undang-undang ini juga diberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menjalankan siasatan dan tahan orang itu satu bulan.

Saya ingin bertanya adakah kuasa untuk menahan seseorang itu satu bulan tidak bercanggah dengan Perlembagaan kita iaitu Article 5. Sepanjang yang saya tahu tidak siapapun yang boleh ditahan lebih daripada 24 jam, kecuali ada kebenaran dari Mahkamah untuk menahan mereka. Kecuali mereka yang disebutkan di dalam Article 5 misalnya enemy alien ataupun mereka yang membuat kesalahan-kesalahan di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tetapi semua ini tidak termasuk mereka yang buat kesalahan dalam Undang-undang Orang Papa.

Kalau begitu, adakah ini bercanggah dengan Perlembagaan kita? Sebab Perlembagaan menyebutkan seseorang itu sama di sisi undang-undang samada seorang peminta sedekah atau hartawan. Jadi, di manakah kuasa yang datang untuk menahan seseorang ini sehingga satu bulan.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh iaitu Fasal 3 (5) iaitu Seksyen ini tidak boleh dipakai bagi seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Jika kuasa ini tidak boleh dipakai kepada mereka yang bawah daripada umur 18 tahun dan jika undang-undang Vagrants Act, 1965 dibatalkan di bawah undang-undang apakah yang mereka ini boleh diambil tindakan. Yang saya tahu cuma ada satu sahaja lagi undang-undang yang boleh diambil tindakan di atas mereka ini iaitu di bawah Undang-undang Kesalahan Kecil (Minor Offences Ordinance) tetapi kuasa yang diberi di bawah Undang-undang Kesalahan Kecil ini ialah kuasa tangkap dan undang-undang ini menganggap pengemis-pengemis ini ialah penjenayah. Jadi, adakah kita hendak bezakan di antara pengemis yang bawah umur 18 tahun diburu oleh polis, ditangkap oleh polis dan ditahan tanpa warrant padahal mereka yang berumur lebih daripada 18 tahun dapat kemudahan-kemudahan disimpan di tempat-tempat kebajikan. Adakah ini wajar? Kalau tidak wajar pada fikiran saya elok dikaji semula perkara ini, kerana sekarang kita sudah ada tiga kategori pengemis. Satu, pengemis yang pergi mengacau orang, tarik-tarik tangan minta sedekah, ini termasuk dalam definasi pengemis. Kedua, pengemis yang duduk di tepi-tepi jalan dengan tempurung tidak mengacau siapa, harap belas kesihan. Kalau ikut definasi ini, mereka ini tidak termasuk dan tidak dapat faedah-faedah yang di-untukkan dalam Rang Undang-undang ini. Satu lagi kategori pengemis ataupun orang papa iaitu mereka yang bawah daripada umur 18 tahun. Mereka inilah yang pada fikiran saya kalau mengikut undang-undang ini yang teruk sekali, kerana apabila undang-undang ini dikuatkuasakan dan apabila undang-undang Vagrants Act, 1965 dimansuhkan cuma ada Undang-undang Kesalahan Kecil (Minor Offences Ordinance) dan mengikut undang-undang ini mereka itu adalah penjenayah, pegawai-pegawai polis boleh menangkap mereka tanpa warrant, boleh diburu oleh polis. Padahal mengikut Huraian dalam Rang Undang-undang ini

mengatakan: Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Kuturayau 1965 dan membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik lagi menjaga dan memulihkan orang-orang papa bagi mengawal kuturayau. Jadi, apabila kita bahagikan kepada tiga ketegori orang-orang papa ini akibatnya setengahnya dapat faedah dan setengahnya dapat kecelakaan. Inilah hasil setakat mana yang saya nampak dalam Rang Undang-undang ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri (yang berkenaan akan memberi penjelasan dan kalau boleh dipinda, misalnya, definasi orang papa:

2. (1) (a) seseorang yang didapati pengemis

Itu sahaja, lain dibatalkan untuk menyenangkan perlaksanaan Rang Undang-undang ini. Dan perkara ini sangat mustahak kerana Dewan yang mulia ini sahajalah yang dapat menentukan erti undang-undang ini sebab tidak ada kuasa dalam undang-undang ini yang membolehkan mahkamah mentakrifkan apa-apa keraguan. Pada fikiran saya dan saya syurkan perkara ini biarlah ditentukan di Dewan yang mulia ini kerana tidak ada kuasa lain. Saya tidak yakin dan percaya bahawa Ketua Pengarah dapat mentakrifkan definasi selain daripada yang disebutkan dalam undang-undang ini dan tidak ada kuasa dalam Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada mahkamah untuk mentakrifkan apa-apa keraguan, dan apa-apa perkataan definasi yang tidak tetap.

3.16 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am berkaitan dengan menjaga dan memulihkan orang-orang papa yang mana Rang Undang-undang ini telah dibahaskan oleh beberapa orang sahabat saya tadi. Saya juga turut merasakan beberapa kemuskilan dalam Rang Undang-undang ini berkenaan dengan pentafsiran pengemis. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa orang-orang yang membaca ayat-ayat Quran di merata-rata masjid ini salah atau tidak salah. Apa yang saya sebutkan bahawa orang-orang ini duduk di tempat-tempat yang

kurang elok, di tepi masjid, di bawah lorong-lorong jalan dan di tepi kedai membaca ayat-ayat Quran. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, ini memalukan dengan sebab ayat-ayat seperti ini tak sewajarnya digunakan di tempat-tempat yang seperti itu semata-mata untuk mendapat sedikit-sebanyak duit. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri haruslah memerhatikan hal ini supaya orang-orang seperti ini pun diambil tindakan juga walaupun mereka ini bukan mengacau sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Pematang Pauh tadi. Dia tidak mengacau, Tuan Yang di-Pertua, duduk sahaja tetapi mata kita memandang tidak elok apatah lagi kalau mereka ini membaca ayat-ayat Quran; berzikir dengan tidak berapa betul, cuma hendakkan bunyi sahaja supaya dapat diberi sedekah oleh orang-orang yang lalu di jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyebutkan pula iaitu orang-orang papa yang dimaksudkan di dalam Fasal 2 (1) (a) dan (b) yang boleh dikatakan ada sedikit sebanyak mengganggu orang awam. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu jenis lagi pengemis iaitu yang style, pengemis yang cantik dan lawa, mereka ini tidak mahu bekerja berat-berat, tidak mahu masuk dalam rancangan-rancangan Kerajaan dan tidak mahu kerja dengan kilang-kilang, mereka mahu bekerja rengan-rengan, jika tidak mereka sanggup berjalan-jalan minta wang dengan orang-orang yang tertentu yang dipandang ada mempunyai wang lebih sedikit. Mereka ini saya anggap pengemis juga, Tuan Yang di-Pertua, dan saya rasa pihak Kementerian berkenaan harus mengambil tindakan supaya orang-orang seperti ini khasnya kaum-kaum belia diambil dan ditahan. Kalau mereka tidak mahu ditahan terpaksa mereka kena pergi kerja di kilang-kilang ataupun di ladang-ladang. Kalau tidak, makin sehari makin ramai orang-orang yang tidak mahu bekerja berat, tidak mahu kerja yang kasar sedikit bahkan mereka mahu bekerja jadi pelayan dan sebagainya, kata orang hanya kerja white-collar sahaja. Bagi saya orang seperti ini yang tidak mahu bekerja yang berat, adalah dianggap pengemis juga dan harus ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kuasa bagi Ketua Pengarah untuk menahan seseorang saya ingin menyebutkan juga iaitu sepatutnya pihak orang-orang yang tertentu

boleh memberi maklumat-maklumat dan boleh dipercayai dan boleh juga diambil tindakan hasil daripada maklumat-maklumat itu, iaitu orang yang pandai-pandai sebagaimana yang saya katakan tadi ataupun orang yang pergi senyap-senyap yang tidak dapat dikesan oleh pegawai-pegawai yang menjalankan tugas setiap masa tetapi orang-orang yang tertentu tahu bahawa mereka ini tidak ada kerja lain melainkan meminta duit pada orang. Ini satu perkara yang perlu diambil perhatian supaya dapat diambil tindakan juga untuk menjaga nama baik masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut Fasal 7 berkenaan dengan kaedah-kaedah mengurus rumah kebajikan. Saya dapat tahu pada masa lalu banyak orang-orang tua ini tidak mahu duduk di rumah kebajikan kerana mereka rasa terkongkong dengan sebab cara pentadbirannya tidak menyenangkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri harus menimbangkan bahawa kita ini banyak kaum walaupun semuanya nama pengemis, papa. Ada kaum orang Melayu, orang China, orang India dan sebagainya tetapi cara-cara hidupnya adalah berlainan. Misalnya, kalau orang-orang tua Melayu apa yang saya tahu mereka tidak suka sangat dikumpulkan satu tempat diberi makan dengan satu hidangan; cara begitu mereka tidak suka, mereka lebih suka berseorangan, memberi kebebasan kepada mereka sedikit. Saya cadangkan supaya pihak Kementerian yang berkenaan harus membuat cara perkampungan untuk menahan orang-orang ini, jangan buat satu rumah duduk di situ beramai-ramai, bagi orang Melayu mereka tidak suka, walaupun pondok kecil-kecil dia suka duduk berseorangan cara begitu. Selain daripada itu, kita mesti berikan pekerjaan kepada mereka dengan mengikut kesukuan masing-masing. Kalau yang suka menganyam-menganyam, kalau yang suka bertanam ataupun berternak—berternaklah, mengikut cara masing-masing. Keadaan sekarang tidak memuaskan, sebab itulah orang-orang tidak mahu duduk di rumah orang-orang tua ini dan satu rumah orang-orang tua yang saya tahu di Paka, Dungun ditutup kerana tidak ada orang yang hendak menjadi penghuni.

Saya ingin menyebutkan lagi berkenaan dengan tempat-tempat seperti ini harus dibanyakkan latihan-latihan beragama. Misalnya kalau orang Islam diajarkan Quran, diajarkan dengan cara-cara ugama termasuk

berkasidah supaya orang-orang seperti ini pandai dalam hal itu. Saya tidak mahu misalnya tempat orang buta yang digalakkan nyanyi dan muzik. Saya tidak bersetuju dengan keadaan begitu. Saya lebih suka dengan cara mengajar agama kerana orang ini sudah uzur, sudah tidak boleh cara lain maka dengan cara beragama ataupun dengan hiburan-hiburan agama, maka saya rasa mereka lebih berminat untuk tinggal di tempat pentahanan. Saya cadangkan supaya pihak Kementerian ini lebih rapatkan dengan tempat-tempat beribadat iaitu tempat-tempat mengajar agama. Kalau orang tua yang kita hendak tahan, selalunya pengemis ini orang tua-tua, orang muda-muda pengemis moden, pengemis yang meminta sedekah ini ialah orang tua-tua, saya rasa patut kita rapatkan dengan tempat-tempat pengajaran agama kerana kadang-kadang orang ini apakala dia rapat dengan guru-guru yang alim ini dia tidak suka lagi mengemis kerana dia ada semangat hendak berdiri di atas kaki sendiri tetapi dengan cara-cara kita, jangan dengan cara-cara mereka sebab dengan cara-cara mereka mungkin menggalakkan lagi pengemis.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya dan pada akhirnya saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini.

3.25 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Orang-orang Papa 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Di dalam Akta ini ada 15 Fasal yang meliputi keseluruhannya yang bermaksud hendak menjauhkan rakyat negara ini daripada menjadi pengemis, menjadi papa dengan cara Yang Berhormat Menteri dapat mengambil mereka ini dan memelihara. Jika tidak, mereka ini mengikut Fasal 11 dan Fasal 12, Polis boleh menangkap pada bila-bila masa dengan tidak ada waran dan akan dipenjarakan tidak lebih daripada 3 bulan.

Dalam bahagian lain, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan cuba hendak menjauhkan daripada pekerjaan seperti ini dan pada akhirnya jika tidak, akan ditangkap. Di dalam perkara ini saya ingin menyentuh beberapa fasal di sini. Yang pertama berkenaan dengan mengemis. Satu daripada erti

mengemis di sini yang di bahagian hujungnya, mereka yang menawarkan sesuatu untuk jualan atau selain. Tuan Yang di-Pertua, ada biasa kejadian misalnya orang-orang ataupun kanak-kanak membawa beberapa ayat-ayat Quran dan sebagainya pergi ke rumah-rumah orang-orang Islam ataupun berjumpa di mana-mana sahaja memberi ayat-ayat Quran tersebut bermaksud meminta hadiah. Adakah ini termasuk di dalam bahagian mengemis?

Selain daripada itu, berkenaan orang papa, yakni seseorang yang didapati mengemis di tempat awam. Di dalam bahagian ini jika ini dianggapkan papa, ertinya biasa disebut di dalam Dewan ini juga ramai orang-orang seperti ini ada di Bandaraya Kuala Lumpur dan bukan di Kuala Lumpur sahaja, mungkin ramai di tempat-tempat yang lain. Di dalam perkara ini jika Akta ini diluluskan dan Kerajaan ambil tindakan, saya percaya kemungkinan jika Fasal 11 dan Fasal 12 itu dilaksanakan segera, ertinya ramai daripada mereka ini kena ditangkap. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah cara perlaksanaan Undang-undang ini diadakan. Jika Yang Berhormat Menteri bersetuju, saya cadangkan supaya diadakan kempen di dalam tempoh beberapa bulan ataupun 3 bulan misalnya supaya dengan cara kempen seperti itu pengemis dan orang-orang papa ini sedar dan mungkin mereka ini akan balik hidup seperti sedia kala jika mereka mampu ataupun mereka ini membuat rayuan sepertimana yang ada di dalam Fasal 4, yakni masuk dengan cara sukarela di dalam rumah-rumah kebajikan. Dalam hal ini, saya ulang balik berkenaan Fasal 12, Polis boleh menangkap. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri orang ramai ada perhubungan dengan pengemis, orang papa ini. Katalah yang menjadi pengemis atau yang menjadi papa ini si A dan mereka ini berjumpa dengan si B, yakni rakyat biasa yang tidak mengemis dan tidak papa memohon sedekah wang daripadanya tetapi si B sendiri tidak setuju memberi. Oleh kerana ada undang-undang boleh menangkap, boleh atau tidak si B yang tidak setuju beri ini memberi juga wang, katalah memberi wang yang senang yang boleh ditenguk nombor dengan cara B.S.N., wang itu diambil nombornya, katalah, wang itu \$1 diberi kepada si pengemis atau si papa tadi. Selepas itu ia pergi berjumpa polis, samada orang ini sebenarnya pengemis atau sebenarnya papa. Mengikut Fasal 12

polis boleh menangkap. Dalam perkara ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah cara-cara seperti itu boleh diterima ataupun boleh dibawa supaya mereka ini akan dihukum mengikut apa yang dicatitkan di dalam Fasal 11.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 iaitu masuk dengan cara sukarela ke rumah-rumah kebajikan. Bagaimanakah cara yang dikatakan orang mengemis ataupun papa ini boleh masuk dengan cara sukarela. Adakah mereka yang sudah dinilai sepertimana yang telah dicatitkan dalam Akta ini ataupun jika seseorang yang sudah bosan dengan penghidupannya walaupun dia senang, dia bercadang hendak menjauhkan diri daripada masyarakatnya sendiri, padahal dia orang yang senang meminta masuk ke rumah kebajikan. Adakah orang-orang seperti ini akan diterima oleh pihak pentadbir rumah kebajikan ini sebagai seorang papa yang dimaksudkan di dalam Fasal 4 itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Fasal 5 yang memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri menubuhkan beberapa banyak lagi rumah-rumah kebajikan. Saya percaya apabila sahaja Akta ini berjalan kemungkinan Yang Berhormat Menteri terpaksa menubuhkan banyak lagi rumah-rumah kebajikan di atas keadaan negara yang ada pada masa ini jika mereka ini tertakluk di atas Akta ini dan mereka akan diambil tindakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 Lembaga Pelawat. Di dalam hal ini saya mengalu-alukan di atas Lembaga Pelawat ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat melantik daripada mereka yang benar-benar dapat melawat dan dapat memberi pandangan yang sebaik-baiknya kepada Kerajaan dan benar-benar mereka ini tahu keadaan di sesuatu tempat untuk diambil perhatian oleh pihak Kerajaan atau masyarakat itu sendiri. Jika pelawat-pelawat ini memberi Pandangan-pandangan yang menasabah hendaklah Yang Berhormat Menteri dapat menerima pandangan-pandangan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 (a), (b), (c) dan (d), mereka ini ~~sebagaimana~~ yang saya sebutkan tadi tertakluk di atas Akta ini, mereka ini jika sekiranya terjadi seperti Fasal 11 itu iaitu (a) atau (b) atau (c) atau (d) mereka akan dipenjarakan. Dalam perkara ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian supaya dengan adanya Akta ini tidaklah menyebabkan ada di antara pengemis ataupun mereka yang papa yang tidak berupaya dalam negara kita ini dimasukkan dalam penjara dengan begitu mudah sekali. Yang sebaik-baiknya bagaimanakah caranya hendak menghidupkan mereka semula seperti rakyat biasa ataupun hendak memelihara mereka semula supaya menjadi rakyat dan dapat hidup dengan sebaik-baiknya di dalam tadbir Kerajaan.

Dalam Fasal 12 saya ingin menyebut sekali lagi, polis boleh menangkap pada bila-bila masa dengan tidak ada waran. Bagaimanakah polis ini dapat menentukan yang ia ataupun seseorang yang patut diambil tindakan oleh pihak polis. Kita bimbang kalau ada kesilapan berlaku, misalnya, ada seorang rakyat yang memakai pakaian tidak berupaya, berihat di tepi jalanraya, tiba-tiba dengan sebab cara seperti itu kemungkinan polis ambil tindakan dan ia akan dibawa kepengadilan. Di antara fasal-fasal yang saya katakan tadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian dan dapat pula memberi penjelasan di atas permintaan saya tadi.

3.36 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan penuh tulus ikhlas menyokong Bil yang telah diperbincangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana mengambil perhatian yang begitu berat kepada segolongan manusia papa dan yang meminta sedekah yang telah dianggapkan oleh masyarakat umum sebagai orang yang tidak ada guna lagi kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga golongan pengemis seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, tetapi saya ingin mengemukakan pendapat saya

dengan tulus ikhlas mengenai pengemis-pengemis yang betul-betul mengemis dengan secara tulin kerana desakan hidup. Nasib pengemis ini memanglah malang. Hidup melarat di sana sini dan ada di antaranya fikirannya pun tidak siuman, dan dengan adanya Bil ini apabila dijadikan undang-undang dan dikuatkuasakan mereka ini boleh pula ditangkap. Inilah yang dikatakan seperti pepatah Melayu. Sudah jatuh ditimpa tangga. Sudahlah susah kena tangkap pula. Saya bersimpati cuma dengan pengemis-pengemis yang mengemis kerana susah dan saya tidak bercakap bagi pihak pengemis yang berpura-pura susah atau pengemis yang menjadi sebagai jaga kereta dan sebagainya. Mungkin banyak orang mengatakan bahawa pengemis ini pengacau, penghalang masyarakat, tetapi di dalam hidup saya dan pengalaman saya sendiri, saya belum pernah dikacau oleh pengemis. Mereka ini ada di merata-rata, di masjid-masjid, di kaki lima, Masjid Negara, Masjid India, restaurant, dan di merata-rata tempat, memang hodoh, memang kotor, menadah tempurung dan koleh, tetapi mereka ini setakat yang saya jumpa hanyalah meminta sedikit belas kasihan. Kalau diberi tidak mengapa dan kalau tidak diberi pun tidak mengapa dan kalau beri pun tidak lebih daripada 10 sen. Tetapi orang-orang yang mengacau, ini daripada pengalaman saya sendiri, orang yang mengacau ada empat golongan. Pertama budak-budak yang menjual tiket Loteri Kebajikan Masyarakat. Ini bukan saya anti Loteri Kebajikan Masyarakat, tetapi cara menjual. Kita pergi ke Campbell Road dia ada di Campbell Road, kita pergi ke Brickfields dia ada di Brickfields, kita pergi ke restaurant dia ada di restaurant, disuruh kita beli, tidak hendak beli disuruh juga, akhirnya kita beli juga \$1. Memang tidak kena dan jarang kena. Tidak kena itu saya tidak susah, saya susah kalau kena hadiah nombor satu dan didapati tiket itu tiket palsu. Jadi, dengan tidak ada sebab barangkali yang kena itu membunuh diri. Ini orang yang menjahanamkan masyarakat.

Yang kedua, penjual ubat. Wanita-wanita yang memakai pakaian seragam. Mula-mula mereka goncang gate, tidak dibuka goncang lagi, sudah dibuka dia jual ubat, tidak hendak beli disuruh juga, akhirnya beli \$2, \$3, bila diubatkan luka tidak kurang, pergi kepada doktor juga, wang kita yang habis.

Yang ketiga, wakil insuran. Kita pergi ke restaurant mereka ada. Kita balik ke pejabat mereka ikut. Selagi tidak beli insuran selagi itu mereka bercerita sehinggakan masa kita habis hingga satu dua jam. Doa mereka itu ialah supaya kita sentiasa ingat kepada mati. Bila kita sudah beli insurance policy, siang malam kita ingatkan mati. Kalau tidak mati kita tidak dapat wang. Ini doa mereka menyuruh kita mati. Ini pun saya anggap pengacau.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, orang Kabul yang berjanggut merah. Dia pergi ke rumah di kampung dengan membawa gendong, buka gendong, buka kain, suruh kita beli. Kalau kita tidak mahu beli, dia buka lagi kain yang dibawanya. Kalau kita tidak mahu beli, dia buka lagi kain lain. Jadi si isteri di rumah, apabila si penjual itu sudah-banyak sangat buka kain sampai 14-15 helai, beli juga dengan harga \$15. Apabila kita pergi ke kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur rupanya harga kain itu \$10. Ini kalau Menteri mengemukakan Rang Undang-undang untuk menangkap orang-orang seperti ini, saya yang pertama sekali bangun untuk menyokongnya. Peminta sedekah ini seperti yang saya katakan tadi ada beberapa jenis, golongan dan kelas, tetapi kebanyakannya dalam pengalaman hidup saya tidak pernah dikacau oleh mereka.

Beralih kepada peruntukan Rang Undang-undang ini, saya memang menganggap bahawa Kerajaan sangat tulin dalam hendak menolong orang-orang papa dan orang-orang yang meminta sedekah. Tetapi yang saya menjadi hairan ialah mengenai dengan Fasal 4, orang-orang papa itu boleh masuk dengan cara sendiri. Tetapi sungguhpun dia masuk sendiri secara sukarela, kalau dia keluar kena tangkap. Ini macam mana, hendak masuk cukup senang, hendak keluar tidak boleh! Ini saya berasa hairan dan ini tidak merupakan kebaikan sebab kalau orang ini tahu dia tidak boleh keluar, dia tidak akan masuk. Kalau dia masuk dan dia tahu kalau keluar kena tangkap, dia rasa macam pergi masuk ke tempat salah, menyerah diri kepada pihak berkuasa supaya didenda: duduk di dalam rumah itu, ikut latihan ini. Kalau tidak ikut latihan ini awak keluar tanpa dibenarkan oleh superintendent akan ditangkap. Bila ditangkap tentulah mereka dibawa bicara iaitu mengikut Perlembagaan. Apabila bicara, dia

kenal membela diri. Orang minta sedekah ini biasanya tidak pandai bercakap, akalnya pun tidak penuh. Jadi kita hendak suruh dia cari peguam. Kerjanya meminta sedekah, hendak pergi cari khidmat peguam? Sudah tentu dia tidak mencari khidmat peguam, kerana bantuan guaman tidak sampai lagi membantu orang-orang jenis ini. Oleh itu sudah tentu, apabila ditangkap jawabnya: mengaku salah, masuk lock-up. Secara tidak langsung nampaknya kita telah melanggar Fasal-fasal dalam Perlembagaan kerana kita tahu orang ini tidak berupaya membela dirinya, dia tidak dapat mempertahankan dirinya. Fundamental libertynya tidak terjamin maka dia masuk lock-up. Apabila sudah masuk lock-up, itu bukanlah bermakna kita tidak membelanjakan dia, kita keluarkan pula perbelanjaan untuk dia yang masuk lock-up seperti perbelanjaan makan minum dan menjaga dia sedangkan dia mengemis dengan cara aman.

Inilah dia seperti kata pepatah Melayu: tidak ada beban batu digalas, Elok dia mengemis dan tidak mengacau, kita ambil dia, belanjakan dia dalam rumah yang sesuai. Kalau dia keluar kita tangkap, kita tidak dapat pelihara dia di situ, kita pelihara dia dalam lock-up. Ini kita patut fikirkan semula, kaji semula dan beri pertimbangan semula.

3.45 ptg.

Tuan Sbaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Kebajikan Am dan saya berharap dengan Rang Undang-undang ini Kerajaan kita telah membuat satu kebajikan yang besar kerana kita tahu dalam negara kita dan di negara mana sekalipun adat manusia berbagai-bagai ragam samada lelaki perempuan, miskin kaya, melioner dan papa tidak dapat dielakkan. Maka di atas pertimbangan Kerajaan yang begini baik kepada orang-orang papa adalah satu amalan yang saya yakin mendapat keredhaan Tuhan dan mendapat pahala kepada Kerajaan apatah lagi Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita akan membuat satu undang-undang untuk menjadi kebaikan, kita yakin kerana sebagai manusia yang mempunyai berbagai-bagai ragam seperti yang saya katakan tadi, ada di antara orang-orang yang akan mengambil kesempatan di atas satu undang-undang, apatah

lagi kalau ada satu habuan patut dapat walaupun mereka tidak patut dapat tetapi kalau habuan yang free itu mereka akan cuba sedaya upaya untuk mendapatkannya. Maka dengan sebab itu dalam Rang Undang-undang ini tiap seseorang yang akan dipilih masuk di situ saya berharaplah diawasi betul-betul kerana sebagaimana saya katakan tadi perkara salah guna ini sangat banyak berlaku seperti kita kata dalam Undang-undang Dadah mengenai penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Maka perkara penyalahgunaan ini berlaku di tiap-tiap segi. Saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan sebelum seseorang akan diambil disifatkan dia sebagai papa untuk dimasukkan ke rumah kebajikan yang akan dikhaskan atau disediakan oleh Kementerian yang berkenaan patutlah diteliti dengan sungguh-sungguh. Kalau didapati ada di antaranya menyeleweng masuk untuk mendapat makan percuma dan sebagainya, bila disiasat didapati orang yang berkenaan bukan patut untuk duduk di rumah kebajikan yang ditetapkan oleh Rang Undang-undang ini, saya berpendapat sebagaimana dikatakan oleh ramai wakil-wakil Rakyat yang lain tadi bukanlah sekadar lari sahaja patut kita menghukum bahkan kepada orang yang menipu masuk sekalipun selepas kita dapat tahu yang mereka itu masuk dengan bukan sebab dan tidak patut masuk tetapi mereka masuk, patut juga kita hukum mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dari segi pegawai-pegawai yang menjaga rumah yang berkenaan. Saya berharap sangat-sangat sesudah kita mengkaji samada dia masuk atas pilihan kita ataupun dia masuk atas permintaan dia sendiri Pengurus di rumah ini biarlah terdiri daripada orang yang betul-betul bertimbang rasa kepada orang-orang papa itu, kerana kita tahu sebagaimana yang dikatakan oleh ramai rakan-rakan saya tadi orang-orang papa dan pengemis ini banyak jenisnya, ada pengemis yang hendak mencari makan dengan cepat kerana malas tidak buat kerja lain patut kita hukum. Itu telah dihujahkan oleh beberapa orang rakan-rakan saya tetapi ada setengah papa itu tidak dapat dielakkan. Sudahlah miskin, ada setengah-setengahnya ibubapa pun tidak ada dan keluarga pun tidak ada tambahan pula dengan rupa paras yang huduh dan anggota yang cacat. Maka dengan sebab itu masyarakat pun kadang-kadang benda yang indah semua orang ingin tengok

tetapi kalau benda yang huduh dan jijik semua manusia jijik kepada benda yang berkenaan. Apa boleh buat, ini adalah keadaan masyarakat. Ini kita tidak dapat hendak nafi dan tidak dapat hendak elak. Tetapi apa boleh buat kerana kehendak alam, sebagaimana saya kata tadi kejadian alam ini ada cantik, ada yang huduh, ada yang sempurna dan ada yang cacat, itu tidak dapat kita elak. Jadi yang kita berasa sedih mereka yang cacat ini kadang-kadang dipandang hina apatah lagi yang keluarganya tidak ada. Orang macam ini patutlah kita jaga betul-betul. Apatah lagi kalau orang yang berkenaan ini yatim pula tidak ada keluarga seperti saya kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh wakil Maran tadi saya bersetuju, manusia selain daripada makan, sifat lemah lembut, cara menarik adalah mustahak. Sebab itulah sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Maran tadi kain batek yang berharga \$10, bahkan kadang-kadang \$8 boleh dijual sampai \$15, tetapi kadangkala benda yang berharga \$15 tak boleh dijual \$10 kalau si penjual tak pandai menggunakan percakapan yang menarik si pembeli. Begitulah juga saya fikir dalam segi apa pun terutama dari segi orang-orang papa tadi, biarlah kita layan dengan baik sebagaimana kata Wakil Dungun tadi saya amat bersetuju diberi makan dan sebagainya. Setengah orang jijik dan sanggup lapar kalau dia tengok orang makan bersama satu dulang, tetapi kita tak pandang jijik seperti itu kerana semua kita dijadikan oleh Tuhan tetapi ada benda yang diharamkan oleh agama kita, tidak diharamkan oleh orang lain. Dan ada kadangkala dia tengok jijik kalau orang lain makan menggunakan satu camca atau sudu bertukaran, sudu itu diambil dalam satu mangkuk gulai dan orang lain pegang sudu itu juga, dia sanggup lapar sedikit sekadar tak boleh mati, dia sanggup tak makan. Itu tabiat manusia. Saya yakin memang ada pada tiap-tiap seseorang. Jadi dengan sebab itu saya bersetuju atas pendapat wakil dari Dungun tadi patutlah diawasi betul-betul tentang makanan, di dalam segi pengurusan dan penjagaan tutur kata mulut, lidah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengatakan sepotong ayat Al-Quran sebagaimana kata seorang Tuan Guru: Qaulun-ma'rufun khairun min sadaqatin yatma'uha aza. Jadi

perkataan yang lemah lembut dan sopan santun lebih baik daripada sedekah yang diikuti dengan kata-kata yang keji. Jadi bererti kalau kita buat rumah kebajikan sekali pun selepas itu kita caci ataupun kita jerkah maki hamun apabila silap sedikit, maka perkara itu Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi kebajikan kepada kita. Dengan sebab itulah saya merayu dan saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang yang dikemukakan moga-moga kita akan dapat membuat kebaikan kepada orang-orang yang betul-betul papa. Kita buatlah kebaikan sekadar yang kita boleh buat tetapi kepada orang-orang yang mengambil kesempatan, bukan kepada orang yang berada di situ kemudian lari, kepada orang yang sudah masuk secara penipuan patut juga kita hukum. Dan saya amat menyokong sekali sebagaimana pengemis-pengemis yang ada, saya berpendapat kerana dalam Rang Undang-undang ini mereka boleh merayu, kita berilah mereka peluang merayu daripada mereka duduk di tepi-tepi jalan.

Saya yakin, kalaulah peluang yang baik dan jagaan yang baik, mereka juga ada mempunyai perasaan malu, kadang-kadang mereka membawa anak dan saudara dan sebagainya. Setengahnya ada orang yang suka beri 10 sen atau 20 sen, ada setengah itu buat tak peduli dan kadang-kadang diambil wang yang tak laku diberikan kepada peminta-sedekah. Itu perasaan manusia bukan sama. Maka dengan sebab itulah saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang yang dikemukakan ini akan menghapuskan kepapaan dan kepada orang yang tak papa tetapi mengambil peluang, mengambil kesempatan patutlah dihukum kerana tiap yang bersalah kita patut hukum dan setiap yang teraniaya, setiap yang dhaif, patutlah kita yang berada memberikan pertolongan. Saya percaya Rang Undang-undang ini matlamatnya akan tercapai.

3.55 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ada dua golongan yang kita katakan pengemis. Pertama, pengemis yang sebenarnya, iaitu mereka yang termasuk di dalam golongan yang mana terpaksa meminta sedekah oleh kerana mungkin sebab-sebab umur mereka agak lanjut ataupun tubuh badan mereka yang agak kurang sempurna ataupun mereka tidak

dapat pekerjaan dan kadangkala mereka tidak ada keluarga untuk menjaga mereka ataupun memberi pertolongan yang sewajarnya.

Golongan yang kedua adalah dalam istilah yang boleh saya sebutkan "kononnya pengemis" iaitu mereka yang tidak ada sebab untuk meminta sedekah tetapi oleh kerana mereka berkehendakkan pencarian wang atau pendapatan tanpa bekerja lebih kuat, maka mereka memilih untuk mengemis. Golongan kedua ini iaitu mereka yang kononnya pengemis bolehkah kita pulihkan mereka sekiranya kita hantar mereka ke rumah-rumah sepertimana yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini? Pada pendapat saya mereka yang kononnya pengemis itu tidak akan dapat apa-apa faedah sekiranya kita bantarkan mereka ke rumah-rumah yang tertentu itu. Apatah lagi mereka bercampur pula dengan pengemis-pengemis yang sebenarnya, maka sudah tentu mereka itu berasa ganjil, dan berasa tidak senang untuk duduk di rumah-rumah yang serupa itu. Mungkin ubatnya lain. Mungkin ubatnya ialah secara ilmu-ilmu kaji jiwa ataupun orang-orang pakar agama dapat meyakinkan kepada mereka itu betapa pentingnya mereka bekerja. Mungkin itu approach ataupun cara kita mengatasi masalah golongan yang saya katakan kononnya pengemis tadi.

Saya pergi pula kepada golongan yang pertama, iaitu mereka yang betul-betul pengemis oleh kerana sebab-sebab yang tertentu seperti yang telah saya katakan tadi iaitu mereka yang tak ada keluarga dan sebagainya, yang benar-benar miskin. Sekiranya mereka itu ada atau kumpulan ini wujud, ini sedikit sebanyak adalah menggambarkan kegagalan kita sendiri kerana mereka itu miskin bukan kerana mereka tidak mahu bekerja tetapi mungkin mereka tak dapat hendak bekerja ataupun mereka sudah tua, tak ada siapa hendak menjaga mereka. Jadi ini menggambarkan suasana masyarakat kita sendiri. Di dalam masyarakat Timur memang sudah menjadi amalan bahawa orang-orang tua dihormati. Orang-orang yang berumur dijagai oleh mereka yang lebih muda, dan menjadi tanggungjawab mereka menjaga orang-orang yang sudah lanjut umur. Ini sudah menjadi amalan di dalam masyarakat Timur kita, suatu nilai yang dipandang tinggi di dalam masyarakat Timur. Jadi

sekiranya ada orang-orang yang lanjut umur yang masih lagi ada keluarga dan keluarganya sedikit sebanyak ada punca pencarian boleh mengadakan rumah dan ada mempunyai sedikit sebanyak nafkah hidupnya, apakah mereka itu tidak sanggup lagi menjaga keluarga-keluarga mereka yang kurang bernasib baik yang sudah tua tak dapat hendak menjaga diri mereka. Maka ditinggalkanlah begitu sahaja kepada negara untuk menjaganya. Kita bantarkan mereka itu ke rumah-rumah orang tua atau rumah-rumah orang miskin dan di situ mereka itu dijagai oleh orang-orang yang dedicated, orang-orang yang cenderung di dalam ilmu mereka masing-masing tetapi mereka tidak dapat memberikan kasih sayang, tidak dapat memberikan suasana rumah, tidak dapat memberikan perasaan erat yang wujud di dalam sesuatu rumah yang bahagia itu. Maka orang-orang yang lanjut umur dan kurang bernasib baik itu, hidup mereka sudah tentu tidak akan menjadi bahagia.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada pengemis-pengemis yang tertentu seperti saya katakan tadi maka kita harus mengatasi masalah ini dengan mengkaji punca-puncanya, di situ kita mesti ubat dan dicari di mana punca timbulnya masalah ini di dalam masyarakat kita. Di manakah kelemahan-kelemahan yang ada maka kita cuba berusaha mengatasi masalah-masalah ataupun memperbaiki keadaan yang telah melahirkan suasana yang agak kurang manis ini. Sungguhpun begitu saya setuju kita cuba mengadakan rumah ini tetapi rasa saya lebih baik di samping kita menjaga mereka ini, kita cuba pula pergi mencari punca-puncanya untuk mengkaji dan cuba mencari ubat untuk mengatasi masalah yang ada pada kita. Saya tidaklah mengakui bahawa saya seorang yang pakar di dalam bidang ini, tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mempunyai pegawai-pegawai yang berkelayakan, berpengalaman dan mereka ini sudah tentu akan dapat membuat kajian-kajian (research) dan sebagainya. Saya percaya mereka dapat mengatasi masalah yang saya telah sentuhkan tadi.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya Tuan Yang di-Pertua, ialah istilah pengemis yang termaktub di dalam Fasal 2 (1) yang pada pendapat saya definisi pengemis ini ataupun takrifnya amat luas. Di sini ia menyatakan bahawa:

“mengemis” ertinya apa-apa kelakuan yang dikira akan mendorong pemberian sedekah, samada atau tidak ada perbuatan pura-pura menyanyi, bermain, berlakun, menawarkan sesuatu untuk jualan atau selainnya;”

Dewasa ini menjadi satu kebiasaan kadang-kala seseorang itu membawa gitarnya atau alat-alat musiknya pergi ke ceruk-ceruk dan di situ dia memainkan lagunya dengan memetik gitarnya dan menyanyilah ia yang mana kadang-kala songkoknya itu diletakkan di hadapannya dan sesiapa yang sudi yang lalu di situ setelah mendengar ia menyanyi mungkin jika nyanyiannya baik, enak lagunya maka dicampaknyalah 10 sen atau 20 sen. Ini ada berlaku bukan sahaja di negara kita malahan di negara-negara yang membangun, perkara semacam ini memang banyak kita lihat dan nampak berlaku di sana-sini. Adakah mereka ini sekarang hendak dirangkumi dan kita istilahkan mereka ini sebagai pengemis yang kita hendak hantar mereka ini ke Rumah Kebajikan pula.

Mengikut takrif pengemis yang ada di dalam Rang Undang-undang ini sepertimana yang saya telah bacakan tadi maka orang-orang ini termasuk di dalam takrif pengemis. Saya suka lah merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apa salahnya mereka ini membawa alat-alat musiknya, kadangkala mereka ini bermain tiga empat alat macam orkestra, ada yang pandai dan dia boleh bermain tiga empat alat sekali gus. Ini menunjukkan ia berkebolehan dan menjadi satu pekerjaan baginya dan pada pendapat saya, ini bukan pengemis.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah halnya kalau dia tidak mempunyai lesen untuk bermain muzik dan membuka tempat hiburan?

Tuan Haji Subaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, benar tidak ada lesen. Tetapi ini sebagai dia hendak menghiburkan, terserahlah kepada pihak awam samada sudi atau tidak hendak mendengarnya, tiketnya tidak ada Tuan Yang di-Pertua, maknanya open show, tidak bertiket dan kerusi-kerusi pun tidak ada, dia berdiri sambil menyanyi dengan menggunakan alat-alat muziknya. Pada pendapat saya ini sudah menjadi amalan setengah-setengah belia, maktumlah belia-belie kita sekarang ini

sudah mempunyai bermacam-macam hiburan dan banyak juga saya lihat di sana-sini mereka ini kadang-kala pergi menjelajah ke pekan-pekan, pendapatan mereka ini tidaklah tinggi. Mereka berjalan pun dengan cara hitch hike mendapat free lift. Jadi cara hendak menampung hidupnya dia pergi ke satu tempat dengan memetik gitar dan menyanyikan lagunya, maka terpulanglah kepada mereka yang lalu-lalang itu, kalau hendak beri duit berilah, kalau tidak mahu beri tidak mengapa, dia tidak mengacau atau menyuruh, terserahlah kepada pihak awam samada hendak memberi atau tidak.

Saya suka merayu bagi pihak mereka yang termasuk dalam golongan ini. Pada masa sekarang ini mengikut takrif yang ada maka mereka ini pengemis, boleh ditangkap oleh polis, dimasukkan dalam Rumah Kebajikan dan mungkin akan berlaku bermacam-macam perkara kepada mereka yang sebenarnya tidak mengacau sesiapa dan tidak mengganggu sesiapa pun. Mereka dengan hal mereka dan orang awam dengan hal mereka sendiri, tidak ada sebarang pergaduhan atau campur-aduk di antara kedua-dua pihak. Saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kalau boleh biarlah takrif pengemis ini dapat diletakkan sedikit tidaklah begitu luas sehinggakan semuanya nampaknya terangkum di dalam takrif pengemis itu, hingga yang tidak pengemis pun sudah menjadi pengemis sebagai satu legal fiction. Begitu juga dengan takrif orang papa, dum. Tetapi tidak payahlah saya hendak bercakap dengan panjang lebar, tetapi pada pendapat saya juga takrif orang papa (a) itu sudah betul tetapi yang (b) itu pada pendapat saya luas sepertimana takrif pengemis yang ada terkandung di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ada di hadapan kita ini sungguhpun nampak tidak serius, tetapi pada pendapat saya amat serius, kerana sepertimana yang saya telah terangkan pada mula ucapan saya tadi, ini adalah gambaran kepada masyarakat kita, samada masyarakat kita maju, dari segi takrif maju yang sebenarnya ataupun ada kelemahan-kelemahan di dalam nilai-nilai yang dihargai di dalam masyarakat dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat dikaji di dalam konteks atau keadaan masyarakat kita yang kita tunggu-tunggu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas. Selepas itu, saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.10 p/g.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri suka hendak mengambil bahagian di dalam perbincangan oleh sebab ada sedikit sebanyak pengalaman dalam soal ini.

Lebih kurang 25 tahun dahulu selepas dilatih saya telah mula bekerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di antara kerja yang telah ditugaskan kepada saya pada mulanya ialah menjaga Rumah-rumah Kebajikan. Oleh sebab itu dalam tempoh perkhidmatan itu dapatlah saya faham sedikit sebanyak masalah yang dihadapi dan juga masalah-masalah yang timbul. Sudah kena pada tempatnya sebagai satu masyarakat yang bertamadun untuk masyarakat itu menyediakan tempat perlindungan seperti Rumah Kebajikan bagi melindungi mereka yang tua, yang papa yang memerlukan pertolongan dan tempat perlindungan. Selain daripada juga timbul masalah sebab sungguhpun tempat disediakan dan makanan diberi penumpang-penumpang tempat ini kerap kali mahu kebebasan, mahu keluar berjalan-jalan dan apabila mereka keluar berjalan kerap kali minta sedekah dan kerap kali diheret balik oleh polis dimaki dan bermacam-macam kekerasan yang dilakukan ke atas mereka. Dan daripada pengalaman saya sendiri, saya pernah menyoal orang-orang tua yang sudah diberi makan dan diberi segala keperluan mahu juga keluar. Tentang keluar itu, saya ingat memandang kepada pengalaman-pengalaman saya sendiri setelah hidup lebih 25 tahun walaupun pada masa itu saya cuma sebagai pegawai yang bertanggungjawab menjaga kepentingan dan keselamatan orang ini, marah bila Penguasa Rumah Kebajikan ini membuat repot, saya pun tumpang marah. Tetapi apabila saya sudah lanjut umur sedikit dan telah banyak tempat berjalan dan memerhati keadaan-keadaan rasa saya perasaan marahkan orang-orang tua ini kerana keluar berjalan-jalan semata-mata tidaklah kena pada tempatnya.

Saya rasa walaupun kita beri tempat untuk duduk, makan dengan secukupnya kita tidak boleh menyekat kebebasan yang menjadi satu keistimewaan manusia, satu natural

right pada seorang manusia, walaupun diberi makan banyak mana dan walaupun bagaimana senangnya, saya rasa seorang manusia mesti diberi juga peluang dalam masa lapangnya untuk berjalan, untuk buat itu dan ini dan sebagainya, sungguhpun dari segi pentadbiran (administration) bagus juga kalau hendak dikawal dan sebagainya.

Saya kemukakan ini sebab saya rasa satu daripada perkara yang mendorong pihak yang berkenaan mengadakan undang-undang ini ialah untuk mengatasi problem yang dihadapi oleh mereka yang bertanggungjawab menjaga orang-orang tua yang keluar berjalan tidak tentu kadang-kadang dua tiga hari hilang tidak balik. Kemudian dia balik dan hilang pula. Jadi saya rasa kita mesti cari jalan-jalan lain bukan dengan cara primitive, cara menghukum atau menyiksa dia akan tetapi barangkali cara peri kemanusiaan cari jalan-jalan yang boleh kita memenuhi hasrat dia yang mahu juga hidup sebelum dia mati. Walaupun miskin dan papa sebagai seorang manusia biasa mahu juga berjumpa dengan kawan lama atau siapa-siapa kawan kenalan-nya ataupun hendak tengok juga bright lights, hendak tengok juga lampu terang sana sini, tengok wayang dan sebagainya, ini satu soal.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali perkara ini ganjil. Walau bagaimana kita beri makan kepada dia, ada juga orang-orang tua ini kadang-kadang ingin hendak makan sesuatu yang tidak dapat disediakan dalam Rumah Kebajikan. Sebab maklumlah dalam sebuah Rumah Kebajikan ini kita beri makanan kepada beratus-ratus orang. Jikalau kita hendak ikutkan kemahuan masing-masing tentu tidak dapat ditadbirkan. Jadi secara kontrek bekalan makanan yang mesti disediakan untuk orang ramai tidak dapat dipilih. Mereka terpaksa makan apa sahaja yang dihidang kepada mereka. Tetapi bagi orang kita biasa pun kadang-kadang rasa ingin juga hendak makan macam-macam buah atau macam-macam makanan dan sebagainya. Tetapi yang anih itu saya sendiri pernah mengalaminya. Ini satu phenomenon, satu kejadian yang melibatkan ramai orang yang menjadi satu trend atau gambaran tertentu iaitu dalam sebuah negeri seperti Pantai Timur di mana menurut undang-undang tempatan, Rumah-rumah Kebajikan itu walaupun penghuninya terdiri daripada bermacam-macam bangsa atau bermacam-macam ugama, akan tetapi oleh kerana

negeri kita ini negeri Melayu, beragama Islam pula, menjalankan kuasa cara beragama Islam tidak membenarkan babi ataupun barang-barang makanan haram dimasak, disedia atau dihidangkan di situ. Di situ banyak orang-orang tua keturunan China keluar pergi minta sedekah, kutip duit kerana hendak membeli daging babi ini. Dan dia bawa balik, disorok dan masuk sendiri. Jadi walaupun saya sendiri beragama Islam dan saya sendiri rasa undang-undang atau aturan yang dibuat oleh Kementerian Kebajikan itu tidak salah memang tidak dapat tidak melainkan kita jalankan cara yang ada. Akan tetapi timbul soal cara bagaimana orang-orang tua yang hanya tinggal tidak berapa bulan atau tidak berapa hari sahaja hayatnya ini ingin mahu melepaskan keinginannya memakan daging itu, memakan buah ini, memakan gulai, masakan makanan itu dan ini tentu susah barangkali kecuali kita ada golongan atau kumpulan yang sanggup membuat bakti atau charitable organization yang sanggup berkawan dengan orang-orang ini, datang ke rumah itu bertanya khabar orang ini dan mereka pula sanggup secara sukarela menderma, membawa masakan untuk dimakan ataupun lebih baik kala orang-orang ini sanggup sebulan sekali atau dua minggu sekali datang dengan keretanya, membawa orang ini kerumahnya supaya dapat orang tua itu menumpang dan merasakan lauk-lauk yang enak dan sedap atau mengalami suatu kehidupan yang biasa. Tetapi sayangnya dalam negeri kita ini tidak ada perasaan ini.

Sayangnya dengan tamadun dan kemajuan kita ini belum lagi dan ini saya tegaskan barangkali kawan-kawan saya akan marah, orang sebangsa dengan saya akan marah, rakyat Malaysia akan marah. Akan tetapi masa colonial, masa Inggeris memerintah di sini, masa tuan-tuan dan mem-mem ada di sini, kerja-kerja kebajikan (charity) seperti ini lebih banyak dijalankan dan dikerjakan. Barangkali kita insaf dan sudah sampai masanya orang-orang kita yang sudah dapat kemewahan, ada wang ringgit, ada motokar, berumah dan sebagainya, sekurang-kurangnya setahu sekalilah kalau tidak kerap. Insaf dan ikhtiar menderma, berbakti barangkali mendekati rumah kebajikan semacam ini, menawar untuk menolong samada membawa makanan yang enak-enak seperti mengambil sempena hari lahirnya ataupun kerana perkahwinan ataupun apa. Saya fikir barangkali kalau di antara kita yang sanggup mengelur-

kan banyak belanja untuk menyambut hari-hari besar dapat menanam satu semangat untuk mengeneipkan satu bahagian daripada apa yang kita belanja untuk satu-satu perayaan itu termasuk perayaan negara. Kalau Kerajaan negeri masing-masing atau Kerajaan-kerajaan Tempatan masing-masing janganlah lupakan orang-orang tua, orang yang susah ini. Pada hari-hari kebesaran ini untukanlah satu peruntukan seberapa yang boleh. Dan kalau boleh janganlah pula sahaja kita ingat inilah yang sedap, ini mahu beli. Tidak. Pergi bertanya orang-orang tua itu. Adakah Jawatankuasa orang-orang tua masing-masing.

Keadaan yang terdapat di dalam rumah-rumah orang-orang tua masing-masing di regimenkan, dibuat sebagai penjara, dibuat sebagai hostel, dibuat sebagai satu tempat kurungan, bukan satu tempat perlindungan yang sebenarnya di mana orang-orang tua ini dapat hidup sebagai manusia biasa. Tetapi sebagai manusia di bawah perintah, manusia yang tidak ada kebebasan lagi. Saya rasa ini akan menjadi perkara perbincangan pada hari ini. Adakah kita menjadikan kemiskinan itu satu kesalahan? Ini satu soal masyarakat. Adakah kita hendak menjadikan undang-undang ini menyekatkan kebebasan manusia kerana dia miskin, kerana dia papa. Saya rasa barangkali bukan niat dia, tetapi walaupun tidak ada niat, oleh sebab cara susunan rumah-rumah kebajikan hari ini dijalankan dari segi mengatasi satu masalah (problem)—problem pengemis. Problem orang-orang yang duduk di tepi jalan meminta sedekah, malu kita apabila orang negeri lain datang menengoknya.

Patutnya orang-orang ini semua ditangkap dan dikumpul, masukkan dalam kereta dan masukkan sahaja dalam rumah kebajikan. Atau barangkali kita tengah makan di Campbell Road datang orang minta tolong; ini mengganggu kita, kita makan pun tidak lalu. Orang-orang ini mesti ditangkap dan dikurung. Cara approach, cara attitude, cara motive ini saya harap dapat diketepikan. Untuk melindungi, untuk menjaga orang miskin kita, itu kewajiban, bukan sahaja orang yang beragama Islam tetapi semua agama tanpa agama sekalipun atas peri kemanusiaan sanggup dan menjadi kewajiban untuk menjaga dan menolongnya tetapi menyimpang jauh daripada tindakan yang

hendak dibuat semata-mata untuk kesenangan kita yang sudah senang, mengenyepikan orang yang sudah susah, untuk mengurung menyiksa, menarik dan menghapuskan hak kemanusiaan, hak kebebasan seseorang. Kalau ini maksud Rang Undang-undang ini, tidak dapat tidak kita sebagai sebuah Dewan yang mewakili orang ramai mesti menentang dan menolaknya.

Akan tetapi sebaliknya kalau ini ialah semata-mata sesuai dengan tujuan kita tadi, untuk kebajikan sebenar-benarnya dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi pengakuan dan juga akan berusaha betul-betul selepas diluluskan Rang Undang-undang ini supaya disusun semula rumah-rumah kebajikan kita itu sehingga ianya menjadi tempat orang yang miskin betul-betul akan datang dengan secara sukarela, dengan sendirinya meminta perlindungan tanpa ditangkap, tanpa disiksa dan tanpa dipaksa, tempat di mana kita membenarkan mereka hidup sebagai manusia biasa sedapat-dapatnya dengan kemudahan supaya mereka yang mana suka hendak buat sesuatu samada hendak membaca, bacalah, hendak bermain majong, mainlah, hendak sekali-sekala pergi berkelah boleh pergi dan kalau sekali-kali hendak pergi tengok wayang boleh pergi dan sebagainya, bukanlah sebagai seorang yang duduk dalam sebuah sangkar yang dianggap bersalah yang mesti dihukum dan mesti dikontrol, ini yang saya minta.

Saya tahu ini adalah idealistic. Ini barangkali susah hendak ditadbirkan tetapi saya sudah lihat di lain-lain negeri, ini dilakukan. Rumah orang tua-tua di lain-lain negeri yang saya pernah melawat walau bagaimana dibuat tentulah semua orang tua-tua itu memang bersungut macammana diberi pun mereka tetap bersungut. Dalam sungutan itu pun kita dapat memerhatikan bahawa mereka itu diberi layanan sebagai manusia. Di sini timbul satu perkara lain, iaitu dengan undang-undang ini kita hanya cuba mengatasi satu masalah sosial dari satu segi sahaja secara piecemeal. Ini barangkali tidak dapat dielakkan, kita terpaksa buat cara ini, tetapi ini kita semua mesti ingat satu segi sahaja, banyak lagi segi masyarakat kita yang juga mesti diatasi. Dalam pada itu bila kita membuat undang-undang di sini janganlah kita lupa tentang latarbelakang kita dengan berbagai-bagai ugama dan pendapat. Barangkali pada setengah-setengah orang mengemis

atau meminta sedekah ini ialah perbuatan yang tidak baik tetapi antara penghuni negeri ini, antara rakyat negeri ini ada mereka yang menganut ugama-ugama dan cara hidup yang mengagongkan, yang memuliakan usaha dan kerja mengemis ini, yang memberi kehormatan kepada mereka yang mahu tinggal secara materialisma, yang mahu menuntut kerohanian (spiritual) yang tidak mahu bising-bising mahu harta, mahu rumah, mahu itu dan ini yang sanggup berlindung di mana-mana tempat rumah berhala ataupun di mana-mana tempat sahaja yang dapat mereka berlindung yang memberi segala usaha dan tumpuan mereka kepada barang yang semata-mata kerohanian yang sanggup meminta dan makan apa sahaja yang diberi. Kalau ugama Buddha umpamanya, tiap-tiap pagi dia mesti keluar pergi di tempat minta sedekah itu, apa benda yang diberi dia mesti terima makan sahaja sebelum pukul 12.00 tidak pilih lagi apa makanan, itu cara hidupnya.

Saya suka menegaskan apabila kita luluskan Rang Undang-undang ini, juga satu pengakuan iaitu kita tidak mengenyepikan dan tidak mengasingkan mereka yang menganut ugama-ugama lain yang tidak memandang perbuatan setengah-setengah orang hendak bergantung selama hidupnya pada meminta sedekah semata-mata sebagai satu perbuatan yang salah. Sebab itu, saya tidak mahu mengulaskan kembali apa yang telah diulasikan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan definisi atau takrif, perkataan "mengemis" ataupun perkataan "Papa" ini kerana saya rasa barangkali mereka yang telah merangkakan undang-undang ini telah mengambil jalan yang senang dan ringkas tanpa memikirkan panjang, tanpa memikirkan soal-soal lain yang timbul kerana setengah-setengah perkataan atau setengah-setengah tafsiran yang telah digunakan dalam undang-undang ini yang pada saya, saya anggap ada kelemahannya yang barangkali dapat dibaiki, diperketatkan dan dapat dielakkan lagi.

Saya juga harap dalam melaksanakan undang-undang ini tidak akan timbul sebarang aniaya, tidak akan timbul sebarang perbuatan di mana seorang yang tidak ingin mahu masuk dalam rumah kebajikan itu dipaksa. Bagaimana juga seorang yang hendak dimasukkan dalam tempat yang diuntukkan bagi mereka yang ada penyakit mental ataupun ada menghadapi penyakit rohani mesti

cara-cara menjamin bahawa orang-orang ini tidak sianiaya; saya harap juga begitu dalam membuat undang-undang dan aturan dan peraturan, pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perinkatan supaya ada peruntukan dalam aturan dan peraturan itu supaya menjamin bahawa seseorang yang dimasukkan di dalam rumah ini dengan paksa mempunyai peluang supaya kedudukan mereka itu diulangkaji oleh satu pihak yang dianggap betul-betul bebas yang boleh menyelamatkan kewibawaannya.

Sebagai kesimpulan, saya suka juga menyatakan bahawa dalam usaha kita untuk membersihkan negeri kita, jalan-jalan kita, tempat-tempat makan kita dan sebagainya, orang-orang yang mengganggu ataupun keadaan mereka menjolok mata kita ini, kita janganlah fikirkan dengan perbuatan ini semata-mata kita dapat mengatasi masalah sosial atau social problem kita yang begitu banyak itu.

Di dalam sesuatu masyarakat di mana kita belum lagi dapat menjamin pada setiap umat kita bawa mereka itu kalau tidak ada kerja akan diberi bantuan kerja oleh kuasa negara. Selama kita tidak ada satu sistem, satu peraturan yang boleh memberi jaminan pertolongan secara hak kepada setiap-tiap umat dalam negeri ini oleh sesuatu sebab yang tidak dapat diatasi olehnya sendiri, terpaksa melarat, terpaksa berpapa, terpaksa meminta sedekah, kita tidak ada hak membuat sesuatu undang-undang ataupun menjalankan satu-satu peraturan untuk mengurangkan seseorang itu yang terpaksa berpapa, terpaksa mengemis untuk mencari kehidupannya. Dari itu barangkali pihak yang mengutip hasil kita seperti pengutip hasil cukai pendapatan patut juga disedarkan sungguhpun beberapa kali diulang-ulang, telah diperingatkan bahawa sistem kita ini sungguhpun dalam peralihan dan masih berubah tetapi berlainan daripada masyarakat yang terdapat di lain negeri, daripada cara hidup kita berkewajipan menjaga ibubapa kita, menjamin orang tua-tua kita supaya kewajibannya kurang. Kewajipan-kewajipan keluarga ini pada sebahagian besarnya masih ditanggung, masih dijalankan oleh umat kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Oleh sebab itu walau bagaimana adanya masalah orang papa dan pengemis ini, masalah ini tidak begitu besar tetapi kita mesti ingat kalau kita hendak mengekalkan amalan yang sesuai dengan cara hidup kita yang tidak lagi terus menyusahkan diri kepada orang tua-tua kita supaya membawa diri, membuat rumah dan hidup berasingan tetapi terus sampai mereka mati, kita rasa bertanggungjawab kepada orang tua-tua kita. Sepatutnya dalam mengadakan undang-undang mengutip hasil cukai pendapatan selain daripada peruntukan diberi untuk menanggung anak-anak, mesti juga diadakan peruntukan bagaimana mereka yang patut kita menanggung menurut cara keluarga kita. Ini saya fikir lebih baik dari menghantar orang tua ini masuk ke rumah kebajikan, biarlah setiap-tiap keluarga kita menanggung keluarga kita sendiri mengikut cara hidup kita yang sudah berkurun-kurun kita dapat membina dan menegakkannya.

4.33 ptg.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang dibincangkan mengenai dengan orang-orang papa. Saya tidaklah berhajat untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang ditimbulkan tetapi saya akan jelaskan perkara-perkara yang rasa saya memerlukan penjelasan. Walau bagaimanapun, apa juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mana-mana yang dirasakan baik, Kementerian saya akan memberikan perhatian yang serius.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada mendatangkan permintaan supaya rumah orang-orang tua dibina di negeri Kelantan pada masa-masa hadapan. Di sini sukaiah saya menjelaskan bahawa buat masa ini di Pantai Timur sudah ada dua rumah orang-orang tua, iaitu Rumah Orang Tua Pengkalan Chepa, Kelantan yang boleh menempatkan 250 orang dan Rumah Orang Tua Bukit Payong, Trengganu yang boleh menempatkan seramai 70 orang dan tidak lama dahulu Majlis Kebajikan Pusat juga telah mengadakan sebuah rumah orang tua-tua di Gual Perioh. Jadi bukanlah masalahnya, Tuan

Yang di-Pertua, belum ada lagi rumah kebajikan atau rumah orang tua di Pantai Timur dan pada masa ini masih ada lagi kekosongan di rumah-rumah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah mendatangkan beberapa pertanyaan berkenaan dengan definisi-definisi yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan soalan samada kuasa untuk menahan pengemis itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara kita. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa pengemis-pengemis ini bukanlah mereka itu didakwa di mahkamah seperti adanya tahanan-tahanan yang lain tetapi mereka ini dibawa ke sana ialah dengan tujuan untuk disiasat latar belakangnya dan untuk menentukan samada mereka ini perlu ditahan ataupun ditempatkan di rumah kebajikan kita ataupun tidak—itu sahaja, supaya ia boleh dijaga dan boleh ditentukan tempatnya. Jadi tujuan tahanan itu adalah lain. Maknanya mereka itu dibawa untuk ditolong, untuk dibantu, bukan maknanya ditangkap (arrest) seperti menangkap orang mencuri—bukan begitu. Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, samada istilah pengemis itu termasuk juga mereka yang mengemis di kaki-kaki lima dan di masjid-masjid dan samada ini diterima disisi undang-undang. Di sini sukalah saya menjelaskan, sekiranya ia menyebabkan kerunsingan atau mengganggu, tentulah perbuatan seperti itu boleh dimasukkan kepada takrif mengemis. Samada ini diterima disisi undang-undang, kalau ia mendatangkan kekacauan, mendatangkan gangguan, tentulah ianya dimasukkan ke dalam definisi pengemis.

Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya siapakah Pegawai Awam. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa Pegawai Awam yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini termasuklah Pegawai Kebajikan Am, Pegawai Polis, Pegawai Kuasa Tempatan, misalnya Enforcement Officers dari Bandaraya—itu sebagai contoh sahaja.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada meminta penjelasan berkenaan dengan idleness samada termasuk dalam definisi orang-orang papa. Di sini saya tegaskan sekali lagi mengenai definisi orang papa ialah orang yang didapati mengemis di satu tempat awam

dengan sebegitu cara hingga boleh menyebabkan gangguan ataupun mengacau kepada orang lain ataupun menimbulkan kegusaran dan begitu juga orang-orang yang peseseleser (idlers). Orang ini bukanlah duduk sahaja ditangkap dan dibawa ke rumah kebajikan—tentulah tidak, tetapi orang ini ialah orang yang tidak ada tempat tinggal, tidak ada mata pencarian dan sebagainya. Orang inilah juga yang dianggap sebagai orang papa.

Ahli Yang Berhormat itu juga ingin tahu bagaimana pengemis-pengemis yang di bawah umur 18 tahun, apakah permulaan yang boleh mereka dapat kerana mereka ini tidak dapat dimasukkan ke dalam rumah kebajikan. Di sini sukalah saya menjelaskan, iaitu dengan adanya Seksyen 36, Akta Mahkamah Budak-budak, 1947 ada kuasa yang diberi kepada Polis dibawa ke Rumah Kebajikan Masyarakat untuk memberi perlindungan kepada budak-budak di bawah umur 18 tahun yang mengemis ini dan Kementerian saya memanglah menyediakan rumah kebajikan untuk kanak-kanak yang terlantar ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menimbulkan soalan iaitu untuk menahan pengemis ini selama satu bulan tidakkah ini bercanggah dengan Perlembagaan negara kita. Di sini suka saya menjelaskan iaitu dalam Seksyen 3 Rang Undang-undang ini, perkataan yang digunakan bukanlah tangkapan, tetapi mengambil tindakan jajaan. Di bawah Artikel 5 Perlembagaan kita bercanggah dengan Akta ini, sekiranya orang itu ditangkap, tetapi sebagaimana saya telah jelaskan bahawa orang ini tidak ditangkap tetapi dibawa ke rumah kebajikan, bukanlah ia ditangkap (arrest). Pada pendapat Jabatan Peguam Negara bahawa undang-undang ini tidaklah bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada mengesyorkan supaya pengemis-pengemis yang akan ditahan di rumah kebajikan ini janganlah ditahan di tempat yang ramai tetapi di tempat yang kecil-kecil. Sebenarnya Kementerian saya kalau boleh tidaklah ingin hendak membawa sesiapa juga dalam rumah kebajikan ini, kerana ini mendatangkan lebih banyak kerja kepada pegawai-pegawai saya dan mendatangkan banyak perbelanjaan, akan tetapi untuk mengatasi masalah-masalah sosial, kepada mereka yang uzur dan

yang dhaif ini, kita terpaksa juga mengadakan rumah-rumah kebajikan seperti yang ada pada hari ini. Maka dengan kerana itu bagi mereka yang lebih suka tinggal dengan saudara maranya walaupun mereka telah mengemis dan disiasat ada saudara-maranya maka ia akan dipulangkan kepada saudara-maranya supaya dapatlah ia tinggal di situ dan Kementerian saya ada memberikan sedikit bantuan kepada keluarganya supaya dapatlah ia sedikit kelegaan. Maknanya bukanlah orang yang mengemis itu terus kita bawa, kita tinggalkan di rumah kebajikan, tentulah barangkali 100 buah rumah kebajikan pun tidak akan dapat menampung mereka ini.

Ahli Yang Berhormat dari Matang ada menimbulkan soalan adakah orang-orang yang menjual ayat-ayat suci Al-Quran dari rumah ke rumah itu termasuk dalam definisi pengemis. Di sini saya suka menjelaskan bahawa ia boleh termasuk dalam definisi pengemis, kalau ia ada termasuk dalam definisi orang papa. Misalnya, ia tidak ada kerja dan tidak ada mata pencarian yang tetap, tidak mempunyai tempat tinggal, tidak dapat pula hendak menyatakan hal dirinya, di mana saudara-maranya, di mana asal usulnya, orang ini juga dianggap sebagai orang yang terlantar.

Beliau itu juga bertanya adakah orang yang memberi sedekah itu boleh membuat aduan tentang pengemis yang dia telah beri sedekah? Untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu, undang-undang ini tidak ada memberikan apa-apa peruntukan atau tidak ada peruntukan mengenai orang yang memberi sedekah. Masalah ini tidak timbul langsung dalam Rang Undang-undang ini. Kalau dia hendak beritahu kita: ini ada pengemis, tolong bawa ke rumah kebajikan, itu tentulah boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga ada mendatangkan soalan atas sebab-sebab apakah yang pengemis itu boleh dimasukkan secara sukarela ke pusat-pusat pemulihan pengemis. Dalam Seksyen 4 mengatakan bahawa seseorang papa yang secara sukarela boleh meminta masuk ke rumah kebajikan ini dengan syarat dia mahu mengikut aturan-aturan kita. Maknanya duduk di situ, janganlah sudah duduk dua hari, lari lagi, mengemis lagi, tentulah ini akan mendatangkan satu kerunsingan.

Beliau juga bertanya apakah caranya yang Polis dapat menentukan bahawa seseorang itu benar-benar pengemis. Sebenarnya Polis bertindak apabila penguasa daripada rumah kebajikan ini memberitahu si polan yang dimasukkan ke mari sekian-sekian hari-bulan sudah lari daripada rumah kebajikan maka tentulah Polis dapat tahu. Ini sangat mudah.

Ahli Yang Berhormat dari Maran menimbulkan soalan iaitu adakah orang yang berpura-pura mengemis ini termasuk menjadi pengemis atau tidak? Tentulah termasuk, kerana dengan adanya undang-undang ini mereka yang berpura-pura ini akan dapat dicegah dari berbuat begitu. Jadi, tujuan kita mengadakan undang-undang ini untuk orang-orang yang seperti ini iaitu orang-orang yang tidak perlu mengemis dia mengemis, maka dengan sebab itu sesiapa juga yang kita dapati mengemis walaupun dia tidak perlu mengemis, dia pura-pura sahaja, kita akan bawa ke rumah kebajikan.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga ada menyebutkan kesah orang menjual kain—membuka kain selepas satu, satu. Perkara yang seperti ini, saya rasa bukanlah mengemis, cuma orang yang menjual kain itu dia hendak cuba menyakinkan orang itu bahawa kain yang dijualnya itu baik. Ini rasa saya tentulah tidak adil kalau dikatakan orang ini mengemis walaupun tujuannya itu hendak dapat keuntungan yang lebih, hendak juga meyakinkan orang itu suruh membeli, itu adalah masalah antara penjual dengan pembeli. Ini tidaklah termasuk dalam definisi pengemis.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada mengesyorkan supaya tiap-tiap kes yang hendak dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan itu hendaklah diteliti dengan halusi. Di sini saya mengucapkan terima kasih, tetapi sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Seksyen 3 (2) ada menyebutkan iaitu kes-kes yang datang ini perlu disiasat terlebih dahulu. Tadi saya telah sebutkan terlebih awal lagi iaitu bukanlah semua orang yang dibawa itu kita letakkan di dalam rumah kebajikan. Setelah mereka ini disiasat (tidak mustahak duduk di situ), kita tidaklah memberi dia tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada satu dua perkara lagi yang saya belum jelaskan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kepala

Batas. Rasa saya beliau mungkin tidak memahami tujuan Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya, dengan sebab itu saya nampak Ahli Yang Berhormat itu merasa sangsi untuk menyokongnya, seolah-olah kita hendak menghukum orang kerana ia miskin, tetapi yang sebenarnya, tujuan kita ialah untuk mengatasi sedikit sebanyak kerunsingan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kerana banyaknya pengemis. Jadi, bila Kementerian saya bertindak mengadakan undang-undang begini yang dirasakan agak boleh memberi menafaat, itu pun ada juga suara-suara yang kita dengar yang mengatakan hendak menghukum pula orang-orang miskin kerana dia miskin. Di sini sukalah saya jelaskan sekali lagi bahawa mereka yang ditinggalkan di rumah kebajikan ini memanglah kita galakkan anggota masyarakat datang menengoknya, kita adakah hari terbuka, tetapi malangnya seorang pun Ahli-ahli Yang Berhormat tidak pernah ada yang datang melihat hari terbuka, walaupun Kementerian saya mengadakan juga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Hari terbuka untuk melihat orang-orang tua ini?

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Ya, hari terbuka kepada orang ramai supaya dapatlah mereka tahu apakah cara-cara, latihan-latihan yang kita beri. Kalau Ahli Yang Berhormat itu menyebut tadi iaitu dalam masa penjajah dahulu semangat hendak menolong ini kuat, maka saya suka lah mengesyorkan supaya Ahli Yang Berhormat itu tunjukkan dahulu semangat yang ada dan bolehlah Kementerian saya menghantar lima orang pengemis tiap-tiap minggu pergi ke rumah Ahli Yang Berhormat itu supaya dapatlah dilegakan masalah-masalah yang seperti ini. Pihak Kementerian saya memanglah sentiasa menggalakkan orang ramai supaya mereka ini juga merasa yang mereka sudah dipisahkan daripada masyarakat, tetapi maknanya diadakan rumah orang-orang tua ini bukanlah untuk menyeksa mereka ini sebaliknya untuk hendak mengadakan kesenangan yang cukup, tentulah ini tidak mungkin diadakan, kerana tiap-tiap orang tua ini berlainan kemahuannya dan begitu juga berlainan kehendak-kehendak mereka. Tetapi setakat mana yang boleh, kita akan buat.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri sudi untuk saya kemukakan satu penerangan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, kalau Yang Berhormat Menteri memberi jalan—boleh.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim: Nampaknya agak marah sedikit bagi Yang Berhormat Menteri kepada teguran saya itu, nampaknya satu cabaran pula, katanya saya tidak pernah pergi pada hari terbuka. Saya juga balas hendak meminta kepadanya samada saya pernah ditawarkan untuk berkhidmat dalam sebarang badan kebajikan dan saya suka menerangkan di sini bahawa saya terima cabaran itu, kalau Yang Berhormat Menteri akan menawarkannya, sebab saya juga seorang bekas pegawai kebajikan masyarakat, juga ada pengalaman, suka menyertai sesuatu usaha; saya di sini mengakui akan berserta dan mengambil bahagian akan sebarang usaha yang akan ditawarkan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini di luar daripada penjelasan Yang Berhormat. Mengikut Peraturan Mesyuarat 37 (1), kalau bendak menjelaskan salah faham tadi, tetapi kalau cabar mencabar, tidak boleh di bawah peraturan ini.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim: Yang saya hendak bertanya itu, pernahkan ditawarkan, itu penjelasan saya. Saya ingat, saya tidak pernah ditawarkan dan saya kalau ditawarkan, sanggup menerima untuk sama-sama menolong dalam segala usaha yang dijalankan.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berkecil hati, tetapi sekarang saya berbesar hati, kerana adanya tawaran dari Ahli Yang Berhormat itu, semoga dengan adanya kerjasama yang akan diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu akan bertambah maju lagi kerjanya dalam Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu masalah lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang berkenaan dengan anak-anak muda yang main gitar. Ahli Yang Berhormat itu meminta, kalau boleh, tidak

usah dimasukkan dalam undang-undang ini dan meminta supaya ditimbangkan. Di sini sekiranya dia bermain gitar itu dengan tujuan hendak menarik sedekah, tentulah termasuk juga dalam istilah mengemis. Walau bagaimanapun, tentulah pelaksanaan undang-undang ini kita akan kaji dari semasa ke semasa. Tidaklah bermakna apabila undang-undang ini lulus dalam Parlimen ini, maka kesemuanya ini akan dapat kita laksanakan. Tujuan utamanya ialah untuk mengatasi masalaah-masalaah pengemis professional yang kerap kali mereka tidak patut mengemis tetapi mereka mengemis juga. Ini adalah untuk penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sokongan-sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan setakat inilah sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15—

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak sentuh satu perkara sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkan Fasal 2 (1) mengenai tafsiran mengemis itu begini bunyinya: “‘mengemis’ ertinya apa-apa kelakuan yang dikira akan mendorong pemberian sedekah.” Berhenti di situ sahaja dan tidak payah ada lagi perkataan. “. samada atau tidak ada perbuatan pura-pura menyanyi, bermain, berlakun, menawarkan sesuatu untuk jualan atau selainnya;”

Itu sebagai pandangan sahaja. Saya bukan hendak mendesak, hanya untuk memberi

pandangan sahaja. Kalau tidak boleh, tidak mengapa.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya minta diberi notis mengenai perkara ini.

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PANGGUNG DAN TEMPAT HIBURAN AWAM (WILAYAH PERSEKUTUAN), 1976

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Menteri Salas, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pemangku Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan Enakmen Panggung-panggung dan Tempat-tempat Hiburan Awam, 1936), (Negeri Selangor) (Theatres and Places of Public Amusement 1936), (Selangor), dengan ubahsuaian oleh perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Panggung-panggung dan Tempat-tempat Hiburan Awam) 1974; (P.U. (A) 61/74 yang masih terpakai untuk Wilayah Persekutuan mengikut seksyen 6, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973.

Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan kawalan yang lebih baik mengenai panggung-panggung dan tempat-tempat hiburan awam dan ianya akan digunakan di Wilayah Persekutuan sahaja. Ini adalah kerana Parlimen tidak berkuasa membuat undang-undang mengenai panggung-panggung dan tempat-tempat hiburan awam untuk serata Malaysia oleh kerana perkara ini adalah perkara Negeri.

Saya suka mengambil peluang di sini memberikan keterangan yang ringkas mengenai Rang Undang-undang ini:

Fasal 5 kepada Rang Undang-undang ini menerangkan kesalahan barang siapa cuba membuka ataupun membuka tiap-tiap panggung-panggung dan tempat-tempat hiburan awam dengan tidak mempunyai lesen. Barang siapa yang mendapati melakukan kesalahan ini boleh didenda sebanyak \$3,000 ataupun dipenjarakan selama 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 6 menerangkan permohonan lesen untuk membuka panggung-panggung dan tempat-tempat hiburan mengikut borang yang tertentu dan syara-syara kelulusan yang akan diberikan oleh Pegawai Pelesen.

Fasal 7 ialah memberikan kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk mendapatkan skrip dan apa-apa maklumat daripada pemohon untuk mendapatkan lesen sebelum lesen tersebut diluluskan.

Fasal 8 memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen membatalkan mana-mana lesen di atas sebab-sebab yang diberikan oleh fasal itu yang didapati bersalahan oleh Pegawai Pelesen.

Fasal 9 seseorang pemegang lesen boleh dikehendaki memberi jaminan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Akta dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan syarat-syarat lesen.

Fasal 10 pula membolehkan pemohon membuat rayuan sekiranya permohonan beliau ditolak.

Fasal 11 ialah tegahan-tegahan yang dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini akan seseorang yang menjual tiket atau mengiklankan atau memberi publisiti kepada apa-apa pertunjukan (show) yang dicadangkan itu sebelum ia mendapat lesen dari pihak berkuasa.

Fasal 12, 13, 14, 15, 16 dan 17 adalah peruntukan-peruntukan kuasa untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

Fasal 20 pula mencadangkan untuk membatalkan Enakmen Panggung-panggung dan Tempat-tempat Hiburan Awam, 1936 sebagaimana yang diberikan oleh seksyen 6, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 yang masih dipakai di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.00 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) Tahun 1976 seperti yang dikemukakan oleh Menteri baru sebentar tadi.

Kalau dipandang sekali lalu, memang wajar bahawa Akta yang scumpama ini sangatlah perlu dikuatkuasakan, terutama sekali bagi negara kita yang terdiri dari berbilang kaum, kebudayaan dan ugama, dan dalam keadaan negara yang diancam oleh anasir-anasir komunis dan subversif. Walaupun Menteri berkata bahawa undang-undang ini terpakai bagi Wilayah Persekutuan sahaja, tetapi saya suka mengesyorkan supaya Kerajaan Pusat mencadangkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya undang-undang ini diterima dan dijalankan bagi semua Negeri di seluruh tanah air kita, tidak hanya bagi Wilayah sahaja. Undang-undang ini memberi menafaat untuk mengawal dengan lebih ketat lagi aktiviti-aktiviti di panggung wayang, cerita-cerita yang hendak ditunjukkan dan pelakun-pelakunnya.

Saya suka menyebut Fasal 6 (4) (b) berkenaan dengan tafsiran pengertian tidak sopan dan lucu yang disebutkan di sini untuk menjadi alasan menolak permohonan ini oleh Pegawai Pelesen yang berkenaan. Selama ini pun ada diberitahu dalam undang-undang tentang perkara-perkara yang lucu yang tidak boleh ditunjukkan, tetapi yang anihnya tidak ada siapa yang boleh mentafsirkan sejauh manakah sikap lucu, pertunjukkan lucu dan tidak sopan itu dierukan, bagi seorang lain bahawa perkara ini dianggap lucu, tetapi bagi pegawai yang melihat atau Pegawai Polis yang hendak pergi menangkap, barangkali ia fikir tidak lucu, dan tidak ditangkap, tetapi pada segi orang ramai pertunjukkan itu sudah lucu. Umpamanya tidak mempunyai pakaian yang teratur, sejauh mana pakaian yang tidak teratur itu boleh ditunjukkan. Ini tak ada diberi tafsiran. Walaupun ada undang-undang sekarang ini tetapi kita lihat masih banyak

pertunjukan-pertunjukan lucu yang dibantah oleh orang ramai dipertunjukan di panggung-panggung dan setengah-setengahnya diberi lesen untuk ditunjukan. Ini dikatakan hanya tak sopan, lucu atau tak wajar; sejauh mana tak sopan, sejauh mana lucu dan sejauh mana tak wajar, tak siapa boleh mentafsirkan. Inilah yang patut dibuat bagi satu pengertian yang lebih lanjut sedikit. Boleh jadi pada segi orang Islam tak sopan berdasarkan Islam, barangkali pada setengah orang Islam tahu terbuka baju, tak ada pakai apa-apa itu lucu, tetapi bagi pegawai yang melihat itu barangkali tak lucu lagi. Ini satu perkara yang berlaku sekarang yang saya minta Kementerian yang berkenaan supaya membuat perhatian yang berat terhadap perkara ini. Saya juga minta supaya disiasat unsur-unsur yang berkenaan dengan perkara sensitif, seperti dalam skrip-skrip, dalam pertunjukan, unsur-unsur yang berlawanan dengan Rukunegara, umpamanya unsur-unsur perkauman. Inipun patut menjadi satu perkara yang dilarang dan diambil tindakan keras terhadap memberi lesen kepada orang-orang yang menganjur pertunjukan ini.

Saya menyentuh Fasal 7 Seksyen-kecil (a) dan (b). Ini sangatlah dialu-alukan untuk menyiasat butir-butir yang berhubungan dengan lakunan seperti yang saya katakan tadi baik dari segi pakaiannya, lakunannya dan isi ceritanya. Bukan sahaja isi ceritanya barangkali tidak sopan dan lucu, tetapi juga saya minta disiasat lebih lanjut kepada unsur-unsur kominis. Kita pernah terdengar bahawa dalam pertunjukan-pertunjukan, pihak pengarah dan penganjurnya begitu bijak dengan secara tidak langsung dimasukkan unsur-unsur kominis supaya pendengar-pendengar, orang ramai yang menuntun itu ada mempunyai satu tarikan dengan cara halus sekali, dan ini pihak pegawai yang menyiasat patutlah mengambil berat bukan sahaja diperhati dari segi tidak sopan, tetapi pada segi unsur-unsur kominis yang diceritakan, yang ditunjukkan dalam lakunan-lakunan dalam aliran-aliran ceritanya, kerana dalam keadaan sekarang perkara seperti ini sangatlah penting untuk dikawal, apatah lagi ditunjukkan di tempat-tempat orang ramai, boleh jadi satu perkara yang merbahaya ataupun boleh jadi rosak perhubungan kaum ataupun melanggar peraturan-peraturan Rukunegara dan Undang-undang Sensitif. Ini patutlah menjadi satu perhatian yang berat dari Kerajaan. Kita tidak mahu ada setengah-

setengah kaum yang menunjukkan wayang ataupun cerita wayang sebagai konset dan di dalamnya itu diselitkan dengan sindiran-sindiran terhadap kebudayaan dan Rukunegara dan juga memasukkan unsur-unsur yang boleh menjadikan warganegara kita memberatkan kepada anasir-anasir kominis.

Fasal 11 berhubung dengan penjualan tiket dan mengharamkan orang-orang di luar panggung menjual tiket. Ini satu perkara yang baik. Kita lihat selama ini panggung-panggung wayang di Ibu Kota kadang-kadang sangatlah tidak wajar. Kalau pelancung-pelancung luar datang melihat bagaimana orang kita mengambil tiket di panggung wayang atau menjual tiket, kadang-kadang memalukan kita. Kerajaan hendaklah mengawal bukan sahaja orang yang menjual tiket di luar panggung yang menyebabkan pembeli-pembeli atau penuntun itu kena bayar berkali ganda oleh sebab hendak melihat cerita yang baik, dan tiket wayang kehabisan. Orang-orang ini membeli tiket banyak dengan harapan supaya orang yang lambat datang boleh dijual berganda harganya. Ini pernah berlaku dan saya harap dengan adanya Akta ini bukan sahaja Akta ini ditulis, tetapi perlaksanaan daripada Kerajaan mestilah betul-betul dijalankan. Ini satu perkara yang sangat merbahaya pada segi orang yang tidak terkawal dirinya. Pernah berlaku, saya dengar di satu panggung wayang, tak payah saya sebut di mana panggung wayang itu, budak-budak nakal yang menjual tiket di luar ini memaksa orang luar membeli dengan harga yang mahal dan pernah apabila penuntun itu enggan membeli maka ditumbuknya, diugut dan ditampar, oleh kerana tak mahu membeli tiketnya itu dengan harga yang mahal dan kebetulan pula yang menjual itu seorang yang bukan Melayu, manakala yang kena tumbuk itu ialah orang Melayu.

Tetapi nasib baik perkara ini tidak merebak. Kalau merebak, tentulah perkelahian perkauman mudah terjadi yang hanya berpunca daripada keadaan hendak menjual tiket.

Ini saya menarik perhatian Kerajaan bukan sahaja undang-undang yang ada ini ditulis dalam Akta ini, tetapi perlaksanaannya, Polis yang mengawal, pegawai-pegawai yang boleh menangkap, memerhati dengan cukup, mengambil perhatian yang berat, bukan sahaja

mengawal orang yang menjual tiket tetapi kalau boleh cara-cara membeli tiket itupun dikawal. Biarlah ada tertib dan berperaturan; beratur seorang-seorang, tidaklah masing-masing berebut memanjat atas bahu orang lain, hingga berkelakuan tidak sopan. Kadang-kadang kalau kita lihat ia akan memalukan ibu kota kita sendiri, sebuah Bandaraya Kuala Lumpur yang begitu tamaddun, moden dan membangu, tetapi anak negerinya ada yang tidak sopan dalam membeli tiket wayang. Saya rasa Akta ini juga boleh diambil berat dan dikenakan kepada mereka yang seumpama itu.

Sekali lagi saya mengalu-alukan dan meminta supaya Akta yang seumpama ini bukan sahaja dikenakan kepada Wilayah, tetapi kalau boleh dicadangkan kepada semua Negeri di dalam Malaysia, kerana keadaan ini berlaku di semua panggung di semua Negeri-negeri dan unsur-unsur yang saya katakan tadi boleh melibatkan unsur-unsur kominis di negara ini, boleh juga terjadi di semua panggung-panggung di negeri-negeri yang lain. Adalah wajar apabila undang-undang ini dilaksanakan, maka disyorkan kepada semua Kerajaan Negeri supaya diambil dan dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

5.11 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan), saya ingin mengambil kesempatan menyentuh beberapa perkara berhubung dengan panggung-panggung wayang yang ada di seluruh ibu kota kita. Umpamanya mengenai panggung-panggung wayang yang besar di negara kita adalah dimonopoli oleh dua buah syarikat yang besar di negara kita, satu Shaw Brothers dan satu lagi Cathay Organisation. Pada asalnya kedua-dua pertubuhan ini menghidupkan Filem Melayu. Dalam tahun lima puluhan dan setelah mereka berjaya dalam bidang perfileman maka pertubuhan tersebut bertempat pula di Hongkong.

Sejak tertutupnya Malay Film Productions maka gelaplah bintang-bintang filem Melayu dan akhirnya timbullah berbagai-bagai perusahaan filem atas kesadaran menggalakkan kembali perindustrian filem ini. PERFIMA

(Perbadanan Filem Bumiputra) dengan usaha UDA telah mula bergerak setapak demi setapak dan berharap filem-filem keluarannya akan dapat ditayangkan dengan mutu yang tinggi satu demi satu. Yang mendukacitakan kita ialah filem-filem Melayu kononnya tidak bermutu tinggi, maka dengan kerana itu ia dianggap tidak mustahak ditayangkan di panggung-panggung yang besar seperti Federal atau Cathay. Adalah diharap dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri, filem-filem Melayu yang bermutu hendaklah seboleh-bolehnya ditayangkan di panggung-panggung besar dan tidak ditayangkan di panggung Coliseum ataupun di panggung-panggung kecil sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cadangan itu tidak termasuk di dalam Rang Undang-undang ini. Ini sudah berlainan sedikit. Sila teruskan.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mutu ekonomi mestilah ada supaya dapat meyakinkan bahawa filem-filem Melayu yang ditayangkan itu mempunyai nilai-nilai yang tinggi dan dengan yang demikian akan dapat menarik lebih ramai penonton-penonton yang bukan Melayu melihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya ingin menarik perhatian tentang jualan tiket black market. Selalu didapati bahawa apabila ada tayangan filem-filem yang baik dan menarik maka tempahan dibuat terlalu awal dan ini menyebabkan ada di antara orang-orang yang mengambil kesempatan membeli beberapa banyak yang mereka suka. Apabila tiket-tiketnya telah habis, mereka akan menjualkan kepada sesiapa yang berkehendakkan dengan harga dua kali ganda daripada harga tiket biasa. Ini satu eksploitasi. Adalah difikirkan perlu apabila ada cerita-cerita yang bagus ditayangkan dan boleh diduga bahawa ia akan dijual dengan laris, maka Polis yang berpakaian pereman hendaklah sentiasa ada di tempat-tempat tersebut supaya dapat mencegah adanya orang-orang yang mengambil kesempatan menjual tiket-tiket yang berharga dua kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah mengenai panggung wayang yang baru

hendak didirikan, hendaklah seboleh-bolehnya membuka peluang menjual saham-sahamnya samada atas usaha-sama atau diuntukkan sekurang-kurangnya 30% saham kepada bumiputra untuk mengambil bahagian yang aktif dalam bidang tersebut. Ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada orang-orang Melayu malahan juga dapat mengambil bahagian yang cergas di dalam industri filem.

Perkara yang keempat ialah di mana-mana ada Shopping Complex didirikan, maka saya rasa UDA boleh mengambil kesempatan dengan mengadakan usaha-sama dengan pengusaha panggung wayang tersebut. Secara tidak langsung agensi Kerajaan dapat mengambil bahagian dalam cara pengurusan dan pada akhirnya akan dapat dijual atau dapat diserahkan kepada bumiputra kelak. Shopping Complex biasanya adalah tempat tumpuan orang-orang yang pergi membeli-belah dan tidak payahlah mereka keluar ke tempat-tempat lain untuk menonton.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Shopping Complex tidak termasuk dalam Rang Undang-undang ini. Ini berkenaan dengan panggung wayang dan tempat hiburan.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan sekiranya diadakan Shopping Complex diadakan juga panggung wayang (mini-theatres).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau ada panggung wayang itu bolehlah.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Supaya menyenangkan orang ramai yang pergi membeli-belah itu dapat menonton setelah penat pergi shopping.

Perkara yang kelima, mengenai filem-filem luar negeri, hendaklah diadakan sarikata (sub-titles) di dalam bahasa Melayu. Ukuran sarikata itu hendaklah diletakkan di atas dan hurufnya hendaklah besar daripada sarikata bahasa lain. Umpamanya, iklan papan tanda di kedai di mana diletakkan di atas dengan huruf besar. Ini boleh mencerminkan nilai bahasa tersebut di samping menghormati kedaulatan bahasa Melayu.

Perkara yang keenam, bahawa apabila tamat sahaja tayangan larut malam, maka hendaklah disyaratkan kepada pengusaha-pengusaha panggung yang berkenaan itu bahawa pintu-pintu panggung-panggung wayang hendaklah jangan dibuka sehingga selesai Lagu Kebangsaan, "Negaraku" dimainkan. Ada di antara penonton-penonton tidak begitu menghormati apabila Lagu Kebangsaan kita dimainkan. Saya rasa ini adalah perlu untuk memberi ingatan kepada pengusaha panggung-panggung wayang hendaklah diarahkan supaya tidak membuka pintu masuk sebelum habis Lagu Kebangsaan kita dimainkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.19 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan mengemukakan suatu Rang Undang-undang baru bagi memansuhkan Enactment Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1976 ini adalah satu cadangan yang baik. Tetapi yang mendukacitakan ialah ianya akan dipakai bagi Wilayah Persekutuan sahaja. Walaupun saya sedar perlesenan panggung wayang gambar dan tempat-tempat hiburan terletak di bawah bidang kuasa negeri, namun demikian saya berharap Kerajaan Persekutuan akan menasihatkan negeri-negeri masing-masing supaya membuat undang-undang yang serupa dengan Rang Undang-undang ini dalam tiap-tiap negeri.

Saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini melibatkan setiap golongan masyarakat dan hendaklah dikuatkuasakan ke seluruh negara kerana dengan membaca tajuk Rang Undang-undang sahaja ialah Panggung dan Tempat Hiburan Awam, sudah dapat memberi gambaran di dalam fikiran kita bahawa ianya melibatkan semua orang tidak kira tua muda, kecil-besar, lelaki-perempuan, janda-duda, kaya-miskin lebih-lebih lagi di samping negara kita berkembang pesat dalam berbagai bidang ianya juga melibatkan para pelancung yang melawat ke negara ini. Panggung-panggung wayang dan tempat-tempat hiburan awam adalah juga satu daripada daya penarik para pelancung. Perlunya Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan keseluruhan negara ialah kerana lanjutan daripada beberapa kejadian yang

berlaku seperti di Ipoh baru-baru ini. Peristiwa yang berlaku di Ipoh itu nyata menunjukkan gejala-gejala yang tidak sihat dan akan membawa kesan-kesan yang buruk terhadap akhlak masyarakat. Sungguhpun kita berpegang teguh kepada suatu cara kehidupan yang bebas tetapi ada batasanannya. Tujuan diadakan batasan itu adalah agar perkembangan masyarakat kita terkawal dan kejadian dibicara di mahkamah rendah itu merupakan pelanggaran terhadap batasan-batasan yang disediakan.

Pertunjukan "lesbian" seperti yang berlaku di Ipoh hanya biasa terdapat di kota-kota besar seperti di Eropah sahaja. Jadi dengan berlakunya kejadian seperti itu menunjukkan perlu peruntukan undang-undang ini diperluaskan keseluruh negara tetapi janganlah disekat langsung kegiatan-kegiatan tempat-tempat hiburan kerana ianya juga membawa keuntungan dari segi ekonomi. Perkara penting yang mesti diambil berat oleh pihak berkuasa berkenaan ialah mengawasi kemasukan orang-orang asing, terutama wanita-wanita kerana dengan kemasukan wanita-wanita ini biasanya disertai dengan kemasukan maksiat.

Berkenaan dengan panggung-panggung wayang di masa-masa yang akan datang, Kerajaan hendaklah menentukan setiap panggung-panggung wayang yang akan didirikan tidaklah ianya di tengah-tengah kesesakan lalu-lintas di dalam bandar seperti yang terdapat di Kuala Lumpur ini iaitu beberapa buah panggung wayang berada di tengah-tengah jalan utama di dalam bandar.

Langkah-langkah Kerajaan mewajibkan pihak panggung wayang menyediakan sarikata dalam Bahasa Malaysia kepada filem-filem yang akan ditayangkan adalah suatu langkah yang bijak kerana Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi negara kita tetapi biarlah sarikata-sarikata yang ditunjukkan itu betul susunan nahunya, kerana setakat hari ini jikalau kita pergi menuntun wayang di mana-mana juga panggung di Kuala Lumpur ini, maka kita hanya membaca sarikata yang dibuat dalam bahasa pasar sahaja. Kita tidak mahu perkara seperti ini berlaku kerana sekiranya sarikata itu dibuat dengan betul-betul maka di samping penuntun gambar dapatlah rakyat bukan Melayu belajar Bahasa Malaysia. Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian berat dalam perkara ini.

Di samping menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini pemeriksaan atau serbuan mengejut juga hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa bagi menentukan ianya dipatuhi. Serbuan mengejut ini amat mustahak terutama di kelab-kelab malam dan di tempat-tempat hiburan yang seumpamanya bagi mengesan kemungkinan terdapat gadis-gadis di bawah umur bekerja telah diperalatkan di situ.

Di bawah Akta ini iaitu Fasal 3 (1) Menteri diberi kuasa boleh melantik seseorang atas nama atau atas jawatan untuk menjadi pegawai pelesen, dan pegawai pelesen pula diberi kuasa menolak atau meluluskan sesuatu permohonan lesen untuk membuka panggung atau tempat hiburan awam. Dengan lain-lain perkataan, pegawai pelesen itu diberi kuasa yang luas dibawa Akta ini. Apa yang ingin saya tekankan di sini iaitu untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan lebih baik jika kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan lesen itu diputuskan oleh sebuah Jawatankuasa Khas dan bukan oleh seorang pegawai pelesen dan Jawatankuasa atau Lembaga ini hendaklah dianggotai oleh orang-orang yang dilantik dari berbagai cawangan Jabatan Kerajaan yang mempunyai pengetahuan yang mahir dalam segala aspek, dalam hal-hal hiburan awam, lakunan, panggung-panggung, pertunjukan wayang gambar, tempat hiburan awam dan sebagainya. Maka di atas Lembaga inilah maka keputusan samada sesuatu permohonan mendapatkan lesen membuka panggung wayang itu patut diluluskan atau tidak kerana pada pendapat saya perbincangan secara bermesyuarah ada lebih baik daripada berfikir seorang diri atau dalam bahasa Inggerisnya "Two heads are better than one."

5.25 p.m.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Panggung-panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan), 1976.

Di dalam Fasal 12, 13, 14, 15 dan 17 adalah peruntukan-peruntukan berhubung dengan penguatkuasaan. Jadi, pegawai-pegawai penguatkuasaan filem hendaklah

menyelidiki sepenuh-penuhnya segala filem-filem yang diimpot su aya filem-filem gairah atau berunsur sex tidak dibenarkan masuk untuk tayangan di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sex sekarang telahpun berleluasa kalau dicampurkan lagi dengan dadah dan sebagainya, negara kita yang menjadikan negara Islam agama rasmi rasanya bila dipandang oleh negara-negara lain tentulah identiti negara kita ini tidak molek. Begitu juga pertunjukan-perunjukan floor show di Hotel-hotel Pacific, Fortuna, Abad atau di mana-mana hotel yang terkemuka di negara kita ini, khususnya di Wilayah Persekutuan ini hendaklah jangan digalakkan lagi pertunjukan seperti ini, sebab bukan lagi berupa separuh bogel tetapi seurat benang pun tiada. Kadang-kadang permit atau kuasa yang boleh mengadakan pertunjukan hanya memberi kebenaran sekian-sekian masa sahaja tetapi hotel-hotel ini telah menggunakan kuasa atau permit itu sepanjang masa mengikut keramaian yang ada di hotel itu.

Penari-penari dari luar negeri seperti dari Hong Kong, Taiwan, Australia ataupun dari mana-mana sekali pun hendaklah jangan dibenarkan masuk ke negeri ini untuk menunjukkan floor show tersebut.

Berkenaan dengan kuasa Menteri dalam Fasal 4 Menteri hendaklah menentukan filem-filem Melayu yang mana diakui kurang ditayangkan di panggung-panggung Wilayah Persekutuan, khususnya di panggung-panggung yang besar-besar, gambar-gambar Melayu ini ditayangkan di panggung-panggung kelas tiga ataupun tidak ada kelas langsung. Kalau dapat hendaklah dibuat quota 30% filem-filem Melayu ataupun filem-filem yang dibawa masuk daripada Indonesia yang bermutu baik, kerana tiga gergasi yang menguasai panggung-panggung seperti Cathay Organization, Shaw Brothers, Chong Gay Theaters sahajalah yang membolot apa-apa file yang datangnya dari luar negeri. Jadi kalau dapat diquotakan ini tentulah dapat bumiputra menikmati bersama daripada hasil keuntungan hiburan ini. Dengan kuasa Menteri ini hendaklah ketiga-tiga gergasi yang memiliki panggung yang terbesar di negara kita ini, terutama di Wilayah Persekutuan diberi peluang bu i-putra memasuki ataupun mencampuri sekurang-kurangnya 30% daripada saham itu

diberi kepada bumiputra. Kalau tidak, payah kita hendak mendapatkan 10% dala tahun 1990 nanti. Jadi dengan sebab itulah pengedar-pengedar dan pengeluar-pengeluar syarikat filem bumiputra tidak dapat hendak memajukan filem ataupun hendak mengambil filem kerana tidak ada sambutan daripada tiga gergasi itu.

Di sini juga saya hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan filem "The Message" yang mana disokong oleh negeri Libya dan Jordan yang mana telah ditayangkan di London dan lain-lain negeri yang mendapat sambutan yang baik, tetapi di negara kita ini ditahan.

Ini rasa saya sangatlah baik untuk ditayangkan dan diberi lihat ke ada orang-orang yang bukan Islam di negara kita ini. Walhal wayang-wayang yang berunsurkan Kristian seperti "The Bible" dan "Ten Commandments" ditunjuk, kerana "The Message" ini adalah boleh dikatakan satu filem dakwah ataupun menerangkan hal ehwal agama Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang melarangkan ini ialah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam sendiri.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya tarik balik. Jadi, ada seorang rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tadi menyatakan UDA atau ejensi Kerajaan boleh mengadakan joint venture apabila panggung wayang didirikan atau di mana-mana ada mini theatre disediakan di dalam Shopping Complex itu. UDA adalah ejensi Kerajaan maka ada peluanglah sedikit pihak kita mengambil bahagian supaya tidak dimonopolikan oleh kuasa ataupun syarikat-syarikat besar seperti yang saya katakan tadi.

Akhirnya, saya turut menyokong Rang Undang-undang Panggung dan Tempat-tempat Hiburan Awam di Wilayah Persekutuan, 1976.

5.32 p/g.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Tumpat, Parit dan Batang Padang

yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, syur yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat sungguhpun tidak ada berkaitan dengan Rang Undang-undang ini tetapi akan diambil perhatian dan saya percaya pihak Dewan Bandaraya akan mengambil perhatian atas syur-syur yang membina mengenai beberapa perkara yang bersangkutan dengan tayangan-tayangan gambar atau syur-syur hiburan yang ada sekarang dalam kawasan Wilayah Persekutuan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan di seluruh Malaysia, syur ini baik tetapi terpujanglah kepada negeri-negeri yang berkenaan untuk menurutnya. Pada masa sekarang tiap-tiap negeri ada undang-undang sendiri dan kebanyakan peruntukan yang dibekalkan dalam Rang Undang-undang ini memang ada di dalam undang-undang yang sedia ada.

Apa yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang iaitu perhatian patut diberi atas perkara-perkara kesopanan, seperti gambar-gambar lucah yang bercanggah dengan Rukunegara atau ada gambar-gambar propaganda komunis, Kerajaan mestilah sentiasa mengambil berat berkenaan dengan perkara ini. Saya percaya Badan Penapis Filem dan Show-show yang masuk ke dalam negeri ini akan diambil berat tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada mengesyorkan supaya diadakan panggung wayang di Shopping Complex, ini satu perkara yang rumit sedikit kerana ada bercanggah dengan apa yang difikirkan elok untuk panggung wayang, sebab panggung wayang ialah satu tempat yang selalunya dapat kebalakan yang serious. Kalau ditempatkan panggung wayang di dalam Shopping Complex terpaksa difikirkan dengan teliti, adakah patut atau tidak ini dibenarkan. Satu perkara lagi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan menempatkan panggung wayang di tempat yang tertentu, ini satu perkara yang patut difikirkan. Jadi di masa yang lampau kebanyakan panggung wayang ditempatkan di

persimpangan jalan tempat yang sibuk, jadi pada masa sekarang ini telah timbul banyak masalah berkenaan dengan lalu-lintas. Ini satu perkara akan diambil perhatian oleh Dewan Bandaraya.

Berkenaan dengan monopoli yang diadakan oleh dua kumpulan besar berkenaan dengan filem-filem yang diimpot dalam negara ini, ini satu perkara yang telah dikaji oleh Kerajaan dan langkah-langkah akan diambil supaya perkara seperti ini boleh diatasi dengan orang ramai khususnya bumiputra dapat mengambil bahagian dalam satu usaha yang menarik yang menguntungkan mereka.

Syur-syur yang lain yang kebanyakannya adalah berguna akan diambil perhatian, jadi saya kena menjimatkan masa Dewan ini, saya tidak bermaksud hendak menjawab satu-persatu dan saya akan mengambil perhatian tentang perkara-perkara tersebut dan akan merujuk kepada pihak berkuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan) 1976 dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih dapat ingat bahawa pada 17hb November, 1976, sebagai jawapan kepada suatu pertanyaan mulut, saya telah memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan bercadang mengadakan pindaan-pindaan tertentu ke atas Akta Kemajuan Petroliaam, 1974. Pindaan-pindaan yang kini dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah hasil dari kajian semula yang menyeluruh ke atas undang-undang yang wujud sekarang ini yang diperbuat mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh Majlis Penasihat Petroliaam Kebangsaan, bersama-sama dengan Petronas.

Pindaan-pindaan yang diusulkan itu bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (i) Seksyen 6 dari Akta induk hendaklah dipinda bagi memberi kuasa kepada Perdana Menteri mengecualikan daripada kehendak dilesen di bawah Akta itu, aktiviti-aktiviti urusan yang tertentu berhubung dengan petroliaam dan keluaran-keluaran kimia-petrol sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta itu;
- (ii) Seksyen 6 (A) yang berkaitan dengan syer-syer pengurusan hendaklah dimansuhkan;
- (iii) Seksyen 9 hendaklah dipinda bagi menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perkara 13 kepada Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab mengapa didapati perlu bagi membuat cadangan pindaan kepada Seksyen 6 Akta induk. Seperti terdapat sekarang, Seksyen-kecil 6 (1) dan 6 (3) memperuntukan bahawa urusan pengilangan, pemasaran dan pembahagian petroliaam dan keluaran-keluaran kimia-petrol seharusnya diselenggarakan oleh Petronas, sebagai sebuah Perbadanan Minyak Nasional, tetapi orang-orang lain yang hendak menjalankan mana-mana daripada urusan-urusan tersebut hendaklah mendapat satu lesen daripada Perdana Menteri. Telah dibawa kepada perhatian Kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan ini telah menimbulkan keraguan dan rasa bimbang di kalangan sektor swasta, terutama sekali di kalangan mereka yang terlibat di dalamnya atau mana-mana pihak yang ingin menceburi bidang urusan dan perniagaan ini.

Adalah jua perlu diambil perhatian iaitu dari sekarang ini beberapa keluaran bahan-bahan petroliaam tertentu telahpun diisytiharkan sebagai barang-barang terkawal di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan dengan demikian, sesiapa yang menjalankan urusan perniagaan di dalam keluaran-keluaran petroliaam tersebut adalah dikehendaki mendapatkan lesen daripada Kementerian itu. Oleh kerana barang siapa yang terlibat di dalam urusan pengilangan, pemasaran dan pembahagian petroliaam dan keluaran-keluaran kimia-petrol adalah juga mendapat perlindungan peruntukan-peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, dia adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak dilesen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sepertimana yang disyaratkan di bawah Akta itu.

Sebagai tambahan, mereka yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan urusan perniagaan ini mesti juga mendapatkan lesen-lesen dari Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi Kerajaan di bawah undang-undangnya masing-masing. Kemungkinan juga dengan terdapatnya beberapa Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi yang masing-masing mempunyai kuasa pelesenan dan pengawalan, akan mengakibatkan kelewatan dan harus juga peraturan pelesenan dan syarat-syarat yang dikenakan tidak dapat diselaraskan dengan sempurna. Ini akan menimbulkan keraguan dan menyebabkan kesulitan-kesulitan bagi mereka di dalam sektor swasta yang menjalankan kegiatan-kegiatan urusan perniagaan ini. Oleh yang demikian, adalah didapati perlu untuk memastikan peruntukan-peruntukan tertentu bagi peraturan-peraturan pelesenan dan syarat-syarat meluluskan, menerusi penyelarasan yang berkesan di antara agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Sementara tindakan pentadbiran diambil ke arah ini, Kerajaan telah menimbangkan bahawa pindaan kepada Seksyen 6 adalah perlu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu memberi kuasa kepada Perdana Menteri mengecualikan daripada kehendak dilesen di bawah Akta itu kegiatan-kegiatan urusan yang tertentu berkaitan dengan petroliaam dan keluaran-keluaran kimia-petrol.

Tuan Yang di-Pertua, supaya Petronas boleh menjalankan kawalan yang secukupnya

ke atas "downstream operations" di dalam perusahaan petroliam, Seksyen 6 (A) yang mengandungi peruntukan bagi pengeluaran syer-syer pengurusan kepada Petronas adalah dirumuskan ke dalam Akta ini sebagai sebahagian daripada Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan), 1975. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum, peruntukan yang disebutkan ini telah menimbulkan banyak salah sangka, bukan sahaja di dalam perindustrian petroliam, malahan juga di kalangan lain-lain pelabur-pelabur tempatan dan asing di dalam sektor swasta. Ianya telah melahirkan kebimbangan di kalangan mereka iaitu konsep syer-syer pengurusan ini mungkin dilaksanakan di sektor-sektor dan perindustrian-perindustrian yang lain. Kerajaan sebenarnya telah berusaha sedaya-upaya untuk mengikis kekhawatiran ini dan terdahulu daripada ini telah menyakinkan para pelabur bahawa ini tidak pernah menjadi tujuannya. Kerajaan juga telah memberi jaminan mutlak iaitu ia tidaklah berniat hendak menggunakan Seksyen 6 (A) berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan "downstream activities" di dalam perindustrian petroliam. Sesuai dengan jaminan ini, Petronas belum lagi bertindak untuk mendapatkan kawalan ke atas sebarang pengendalian mengenai syer-syer pengurusan. Memandang kepada kenyataan bahawa Kerajaan pada masa ini mendapati tidak perlu menggunakan syer-syer pengurusan untuk melindungi kepentingan hak Petronas sebagai Perbadanan Minyak Nasional di dalam "downstream operations" dan sebagai bukti bahawa Kerajaan benar-benar berhajat untuk memperbaiki suasana pelaburan pada keseluruhannya, adalah dicadangkan supaya peruntukan ini dimansuhkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tujuan meminda Seksyen 9 ialah untuk menyelaraskannya dengan Perkara 13 kepada Perlembagaan Persekutuan dengan mengadakan pampasan yang mencukupi jika sekiranya berlaku hal yang dijangkakan di dalam peruntukan yang terdapat sekarang. Perlu juga dinyatakan di dalam hubungan ini iaitu pada masa merangka Akta Kemajuan Petroliam, 1974, adalah dijangka bahawa rundingan-rundingan akan dapat diputuskan di dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu enam bulan dari tarikh kuatkuasa Akta tersebut. Perkara ini telah tidak dapat dilakukan dan oleh kerana perlanjutan tempoh masa tersebut juga telah tidak diberikan, maka

pindaan ini, bagi membuat pembayaran pampasan yang mencukupi, adalah menjadi perlu sekiranya peruntukan yang disebutkan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya pindaan-pindaan ini, para pelabur di negara ini, pelabur tempatan dan asing, akan berasa terjamin bahawa Kerajaan berhasrat hendak mengadakan suasana pelaburan yang akan memberi faedah kepada para pelabur dan juga kepada negara ini berdasarkan penyertaan bersama. Pernah jua timbul pablisiti yang menyeleweng sehingga ini berhubung dengan niat Kerajaan sebenarnya berkaitan dengan pelaburan sektor swasta, terutamanya pelaburan asing. Saya percaya bahawa sebarang perasaan sangsi dahulu mengenai perkara ini akan dapat dibuang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khoo Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.52 p.m.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ghahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta yang dinamakan Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan) 1976 dan hendak memberi beberapa perhatian untuk pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu minyak adalah satu hasil negara yang paling penting untuk negeri kita dan apa yang kita cadang dan rancangan pada hari ini sebab hasil minyak ini satu perkara yang baru di dalam negara kita adalah untuk menentukan kesetabilan ekonomi dan pembangunan negara kita. Maka dalam perkara ini sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bersetuju mengambil alih masaalah petroliam dalam negara kita. Saya juga percaya tentulah ada Majlis Penasihat yang bertanggungjawab untuk menasihatkan Perdana Menteri kita yang sebek itu masaalah petrolium dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan saya sedikit dan ini telah juga saya ucapkan apabila membahaskan Akta Petroleum Cukai Pendapatan (Pindaan) tetapi

tidak dapat jawapan, jadi pada hari ini suka-lah saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu sebarang pindaan Akta Kemajuan Petroleum ini mestilah ada kaitan kedudukan anggaran perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya percaya apabila Kerajaan kita membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga pada ketika itu masalah pindaan dan sebagainya tidak berbangkit lagi. Tetapi sekarang setelah Kerajaan kita mengadakan pindaan dan membuat perjanjian yang baru dengan pihak-pihak yang berkenaan tentu sekali ada perubahan dan daripada sinilah juga saya hendak mengetahui sejauh mana perbezaan yang timbul, sejauh mana kekurangan yang timbul pendapatan negara kita kerana perubahan dan pindaan Akta Kemajuan Petroleum yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, samada betul atau tidak saya difahamkan perbezaannya lebih kurang \$300,000,000. Ini saya minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada betul atau tidak dan yang hendak difikirkan pada hari ini dengan adanya pindaan ini sejauh manakah perbezaan ini dapat ditarik balik dan boleh digunakan dalam perbelanjaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu industri minyak ini bukanlah satu industri yang boleh banyak menggunakan tenaga manusia (labour-intensive), industri minyak ini ialah satu industri yang dipanggil very heavy capital-intensive. Banyak modal dan banyak hendak menggunakan alat-alat yang sophisticated dan inilah perkaranya yang kita hendak fikirkan. Industri minyak ini apa yang penting ialah apa yang dapat keluar daripada ataupun hasil-hasil yang dikatakan petro-chemical hasil daripada industri minyak. Pada pendapat saya crude oil ataupun minyak pekat ini sebagai contoh yang saya bawa ke sini yang dikatakan boleh dianggap sebagai emas hitam. Di dalamnya mengandungi mengikut statistik yang diketahui dua tahun yang lalu 1,247 non-ingredient ataupun bolehlah kita anggap lebih daripada 1,000 ingredient ada di dalamnya. Macam-macam boleh kita gunakan, misalnya, daripada mas hitam ini boleh kita dapat gas untuk kegunaan rumah tangga. Daripada sini juga boleh kita dapat bitumen untuk jalanraya seperti minyak tar dan

sebagainya, gasoline untuk kegunaan motokar dan kenderaan boleh kita gunakan, diesel juga daripada sini boleh digunakan untuk keretapi dan lori-lori dan juga boleh dikeluarkan daripada sini kerosene ataupun minyak special yang khas untuk kapal-terbang. Daripada sini juga boleh kita ambil paraffin atau fuel oil lubricant dan sebagainya serta yang akhir sekali dan yang saya tahu untuk sementara ini adalah dibuat lilin.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak utarakan pada hari ini apabila kita membincangkan sebarang pindaan Akta Kemajuan Petroleum ini, saya minta pihak Kerajaan kita terutama sekali Badan Penasihat Kebangsaan Petroleum ini memikirkan sedalam-dalamnya apabila menandatangani perjanjian antara Malaysia Sdn. Bhd. dengan pihak-pihak swasta mengenai minyak ini. Hendaklah difikirkan kerana apakah tindakan ataupun rancangan Kerajaan kita untuk mengendalikan by-product yang saya sebutkan tadi, apakah rancangan selain daripada hasil minyak dan apakah rancangan ini boleh dilaksanakan di dalam negara kita supaya inilah yang boleh kita create industri baru yang boleh banyak menggunakan tenaga manusia yang pada hari ini belum ada lagi. Pada pendapat orang-orang kampung sangkaannya apabila dikorek minyak itu difikirkannya minyak itu boleh terus digunakan. Kita tidak mahu by-product petro-chemical ini hasil daripada penggalian minyak ini kelak telah tidak digunakan dalam negeri kita, hilang keluar begitu sahaja. Di sini saya hendak bertanya sejauh manakah perjanjian yang dibuat oleh pihak Kerajaan kita dengan pihak pengusaha-pengusaha minyak ini mengenai kedudukan by-product yang saya sebutkan tadi. Adakah ini akan diusahakan di dalam negara kita. Ini perlu kita fikirkan. Di sinilah saya berkehendak oleh sebab apabila saya baca syarat-syarat perjanjian itu kita telah banyak berundur ke belakang. Jadi bagaimana kita hendak strike the balance of profit system yang hendak difikirkan supaya keuntungan itu seimbang. Adakah dalam perjanjian itu kita minta sebahagian besar daripada wang keuntungan pengusaha itu akan ditanam-modalkan semula di dalam negara kita bagi melaksanakan rancangan-rancangan untuk faedah orang ramai. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu berketak besar, habis peluru kiambang tidak

juga alah. Oleh itu, kita tidak mahu perkara ini berlaku, seperti apa yang saya ucapkan pada awal tadi oleh sebab industri minyak ini baru hendaklah kita fikir dan kita rancangkan sebab kita tidak mahu berdosa kepada anak-anak cucu kita pada masa yang akan datang. Janganlah kita terburu-buru hendak merancangkan masa hadapan ini sebab kita sudah tengok bagaimana salah pentadbiran dan sebagainya di sebuah negara jiran kita berhutang pada hari ini mengambil masa 20-50 tahun hendak membayarnya balik. Jadi, saya tidak mahu perkara seperti itu berlaku di Malaysia ini oleh sebab saya terangkan industri minyak ini memakan belanja yang besar (it is a very, very heavily capital intensive industry).

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak bertanya juga kepada Menteri sejauh manakah provision telah disediakan untuk pengetahuan kita sekurang-kurangnya sebagai wakil rakyat supaya dapat kita terangkan kepada orang ramai segala provision, bye-law dan lain-lainnya apabila Kerajaan kita menandatangani. Ini yang kita hendak tahu, apa yang telah ditandatangani kita tahu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah minyak ini juga kita tidak mahulah berlaku seperti perusahaan pertayuan di dalam negara kita ini. Adakah kita sedar iaitu masalah kayu-kayan dalam negara kita ini, saya telah buat kajian iaitu sebagai contoh pada gambarannya kita nampak ada keuntungan yang besar tetapi tidak ada. Kalau kita hendak kaji daripada statistik hasil yang didapati daripada concession 1%, daripada pembalok 2%, daripada kilang papan 4%, hasil daripada jetty apabila hendak menghantar kayu itu ke luar negeri 4%, hasil daripada hak penghantaran secara C.I.S. 2%. Jumlahnya berapa persen? Adalah 10-16 persen. Walhal apabila kayu-kayu ini diekspot, pengimpor di negara asing itu mendapat untung daripada kayu-kayu dalam negara kita ini sebanyak 120%. Itulah dia, saya takut kalau kita tidak awasi perkara minyak ini hasil bumi negara kita. Inilah satu pemberian Tuhan yang baru kepada Malaysia yang dapat kita ikhtiarkan yang boleh menjamin masa hadapan. Kalau negara kita ini stabil ekonominya sebarang tentangan kominis dapat kita lawan.

Jadi, saya minta sangatlah kepada pihak Kerajaan dan Menteri yang berkenaan memikirkan sedalam-dalamnya.

Di Fasal 4, Seksyen 9 di sini ada saya Tengok masalah pampasan. Tetapi pada diri saya pampasan ini nampaknya berat sebelah. Samada betul atau tidak saya harap Menteri yang berkenaan betulkan saya iaitu cadangan untuk meminda Seksyen 9 bagi menjadikan peruntukan mengenai pembayaran pampasan kepada syarikat-syarikat minyak jika sekiranya berlaku hal yang dijangkakan dalam Seksyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pampasan yang Kerajaan kita hendak bayar kepada syarikat minyak, saya hendak bertanya balik apa pula jaminan daripada syarikat-syarikat minyak yang telah menandatangani segala agreement dengan kita sekiranya mereka tidak melakukan janji-janji yang tersebut di dalam perjanjian itu. Pada hari ini semua cepat hendak datang ke Malaysia sebab memandangkan Malaysia ini mempunyai ekonomi yang stabil, politi yang bagus dan sebagainya, maka hendak berikhtiar mencari jalan berniaga menguruskan industri minyak. Kita tidak mahu dalam masa dua tiga tahun atau sepuluh tahun yang akan datang tiba-tiba sebuah negara lain pula memberi tawaran yang lebih baik daripada Malaysia. Pada masa itu dia akan gantikan kita begak-begak, dalam masa kita baru hendak mendapat keuntungan ditinggalkannya kita. Pada masa itu bagaimana kita hendak kendalikan. Ini juga saya hendak bertanya sejauh manakah persediaan Kerajaan di dalam perkara ini. Saya tidak mahu perkara ini kita menghadapi sekarang sebab industri minyak ini akan menjadi hak keturunan anak cucu kita dalam negara ini. Oleh itu, sebarang rancangan yang kita buat hendaklah meliputi sejauh-jauhnya sampai 50 tahun atau 60 tahun akan datang. Kita tidak mahu lagi bermegah di luar seperti satu ketika negara jiran kita megah dengan kekayaan minyaknya tetapi kepalanya tidak pandai. Maklumlah wang, kekayaan dan sebagainya, apabila sudah ada wang dan sudah ada kuasa. Jadi saya tidak mahu perkara ini berlaku di Malaysia terhadap PETRONAS dan Kerajaan kita.

6.07 ptg.

Tengku Noor Aslah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam

mengalu-alukan Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan), saya suka menyentuh satu dua perkara berhubung dengan Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah kena pada tempatnya yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Dalam keadaan sekarang, Malaysia berkehendakkan satu Rang Undang-undang yang dapat menyelaraskan perjalanan industri petroliaam di mana syarikat-syarikat besar dapat bekerjasama dengan PETRONAS. Petroliaam memainkan peranan utama sekarang ini di mana ia mengambil tempat kedua menggantikan perusahaan negara yang terbesar, iaitu bijih timah. Kalau Bank Negara mengawasi perjalanan bank-bank di Malaysia, maka PETRONAS pula mengawasi dan menyelaraskan perjalanan Industri petroliaam di negara ini. Ini adalah satu hakikat yang nyata.

Dalam mengendalikan dan menyelaraskan industri petroliaam ini, maka adalah diharap bahawa kita hendaklah mempelajari dari negara-negara Arab di mana kuasa-kuasa besar memainkan peranan utama dalam menjalankan aktivitiinya.

OPEC sebagai satu pertubuhan negara-pengeluar minyak begitu besar pengaruhnya sekarang ini dalam menentukan kedudukan harga minyak di seluruh dunia, sehingga negara-negara industri, seperti Amerika, France, Jerman, Britain dan Jepun begitu berhati-hati dalam mengendalikan hubungan dengan negara-negara Arab.

Malaysia juga pada suatu masa kelak akan menjadi pengeluar minyak utama di rantau sebelah sini, selain dari Indonesia dan Brunei. Sebagai pengeluar minyak utama, maka Malaysia hendaklah berhati-hati dalam hubungannya dengan kuasa-kuasa besar di dunia ini yang cuba menjalankan pengaruhnya dalam apa bidang sekali pun. Adalah diharap bahawa pada suatu masa kelak, Malaysia akan dapat beserta dengan negara-negara OPEC dalam menentukan harga minyak di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat industri petroliaam seperti Shell dan Exxon, apabila mendapat keuntungan yang besar kelak, maka Kerajaan hendaklah seberapa bolehnya meminta syarikat-syarikat tersebut

melaburkan modalnya semula sekurang-kurangnya tiga suku dilaburkan dalam perindustrian dalam negara ini. Ini bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada warganegara kita, malah dapat mengembangkan perindustrian di tanahair kita. Kita tidak mahu hasil keuntungannya dilaburkan di luar negeri dengan sesuka hatinya, dengan tidak mementingkan keperluan negara ini, sebagai sebuah negara yang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari penyelarasan petroliaam ini, maka PETRONAS hendaklah mengambil daya-usaha berunding dengan syarikat-syarikat minyak tersebut supaya dapat menghantar lebih ramai lagi anak-anak Melayu menceburkan diri dalam bidang petroliaam ini. Ini akan dapat mem-banyakkan teknokrat-teknokrat Melayu dalam industri petroliaam. Anak-anak Melayu tersangat kurang dalam bidang ini. Usaha-usaha yang lebih giat hendaklah dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Biasiswa-biasiswa hendaklah dilipat-gandakan. Dengan cara begini, saya percaya bahawa dalam masa yang singkat, akan ramailah teknokrat-teknokrat Melayu aktif dalam industri petroliaam ini. Mudah-mudahan PETRONAS akan mengambil perhatian yang serius dalam mengisi kekosongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

6.11 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah dibentangkan dan di samping itu saya juga ingin mengalu-alukan Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Saya rasa yakin bahawa dengan pembentangan dan kelulusan Rang Undang-undang ini, iklim pelaburan di negara kita dapat diperbaiki dan juga ekonomi negara kita akan terus berkembang atas kepentingan dan faedah rakyat Malaysia.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sejak beberapa ketika ini, iklim pelaburan di negara kita tidak begitu baik dan para pelabur asing khuatir dan bimbang melabur di sini oleh kerana ujudnya undang-undang yang menimbulkan kecurigaan dan kekhuatiran.

Misalnya, Akta Kemajuan Petroliaam 1974 iaitu Akta asal yang kita bendak pinda hari ini, dan ju a Akta Penyelarasan Perindustrian telah menimbulkan kecurigaan dan kebimbangan di kalangan sektor swasta, dan oleh kerana yang demikian, telah menjejaskan iklim pelaburan di negara kita.

Sejak Akta Kemajuan Petroliaam dikuatkuasakan sehingga hari ini, para pelabur asing sangat kkuatir dan bimbang melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan hari ini, saya yakin bahawa para pelabur asing dan juga sektor swasta akan mengalu-alukan Rang Undan -undang (Pindaan) ini.

Biarlah saya mengatakan di sini bahawa Akta Kemajuan Petroliaam ini adalah unique dan satu contoh yang pahit untuk diambil sebagai tauladan supaya sebelum setiap Rang Undang-undang diluluskan pada masa yang akan datang, segala langkah perlu diambil untuk meninjau implikasi-implikasi Rang Undang-undang tersebut supaya kita tidak perlu menghadapi apa-apa kesukaran selepas diluluskan Rang Undang-undang itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah katakan bahawa saya berasa gembira kerana Kerajaan telah membuat pertimbangan kepada pandangan-pandangan daripada pihak swasta dan telah mengambil langkah-langkah yang positif ini untuk meminda Akta Kemajuan Petroliaam ini. Saya yakin dengan adanya pindaan ini suasana pelaburan akan berkembang dan juga saya yakin bahawa para pelabur asing akan bergerak dengan giatnya di negara kita dan ini akan dapat menarik pelabur asing membawa modal-modal mereka untuk dilaburkan di negara kita memandangkan pertimbangan baru yang dibuat oleh Kerajaan.

6.15 p.m.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil dari Ulu Trengganu iaitu dalam sebuah negara di Pantai Timur yang kebetulan daripada lapuran yang dibuat oleh Kerajaan nampaknya telaga-telaga minyak itu kebanyakannya di sebelah Semenanjung Malaysia ini pada hari ini terdiri daripada telaga yang berhadapan dengan negeri Trengganu, maka sudah tentu pihak saya merasa sangat gembira pada hari ini dengan

adanya Rang Undang-undan ini dan juga dengan adanya persefahaman ataupun perjanjian yang telah ditandatangani di antara pihak PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak.

Saya percaya kebanyakan orang di Pantai Timur terutama di negeri Trengganu berharap mudah-mudahan selain daripada apa yang saya faham sebanyak 5% akan diberi kepada Kerajaan Negeri Trengganu hasil daripada telaga-telaga di kawasan yang bertentangan dengan negeri Trengganu. Orang-orang di Pantai Timur ju a, terutama negeri Trengganu akan mendapat faedah daripada berbagai perusahaan yang mun kin akan timbul dan diadakan hasil daripada pendapatan minyak dan gas itu. Saya faham dalam hal minyak itu akan banyakkah ditubuhkan berbagai perusahaan untuk meliputi berbagai rupa, bagaimana pecahan-pecahannya itu telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak baru sekejap tadi. Segala usaha upstream dan downstream dan lain-lain lagi saya percaya akan banyak menghendaki samada tenaga tempatan, samada baran -barang tempatan dan orang-orang tempatan. Walaupun saya percaya pihak syarikat minyak seberapa boleh tidak menghendaki campurtangan politik atau sebagainya yang boleh mengganggu kemajuan perusahaan mereka, tetapi saya sangat berharap pihak Kerajaan melalui PETRONAS akan sentiasa mengingati hasrat dan harapan besar daripada rakyat di Pantai Timur, terutama Trengganu. Saya suka menegaskan iaitu se ala tindak-tanduk keputusan-keputusan yang dibuat oleh PETRONAS sekarang atau pada masa akan datang, kesan politiknya itu, buruk baiknya itu kepada Kerajaan Barisan Nasional hari ini sangat besar kesannya. Janganlah dengan segala tindakannya, harapan daripada rakyat jelata biasa di negeri Trengganu terutama sekali dipandang begitu sepi sahaja dan segala keputusan itu hanya dipandang apa yang difikirkan menasabah di dalam sesuatu mesyuarat di antara golongan tertentu sahaja.

Saya dapat khabar misalnya, dan ini saya minta Menteri berkenaan tolong tegaskan adakah betul pihak PETRONAS telah memberi hak kepada PERNAS untuk mengadakan supply base atau pengkalan perkhidmatan di Kuantan. Jika betul PERNAS telah diberi oleh PETRONAS mengadakan supply base itu di Kuantan, adakah pihak Kerajaan memandangkan Perdana Menteri

sendiri telah membuat ucapan dan perjanjian dengan wakil-wakil Parlimen dan di Dewan Negeri Trengganu untuk memandangkan berat perkara ini diadakan di Kuala Trengganu ataupun mana-mana tempat atau daerah di dalam negeri Trengganu. Adakah pihak Kerajaan telah mengkaji sedalam-dalamnya dan berusaha sedapat-dapatnya untuk mendapatkan pengkalan itu dibuat di mana-mana daerah batta di Kemaman asalkan di dalam Negeri Trengganu? Implikasi politiknya, bahkan masa hadapan beberapa orang Menteri banyak terlibat dengan keputusan-keputusan begini. Saya katakan itu bukan daripada kepentingan diri saya semata-mata dan bukan soal sentimen tetapi harapan orang Trengganu oleh kerana kami merasa kami sangat tertinggal dalam berbagai bidang lain, maka patut sangatlah kalau Tuhan telah memberikan minyak ini di hadapan pantai kami, kenapakah tidak boleh badan seperti PERNAS yang telah diberikan hak oleh PETRONAS itu kalau betul memutuskan diadakan supply base di Kemaman umpamanya yang tidak jauh juga daripada Pelabuhan Kuantan?

Yang kedua, saya minta sangat kepada pihak PETRONAS ini di dalam menjalankan usahasama dengan syarikat-syarikat minyak ini sedaya-upaya mengadakan syarat-syarat ataupun mengadakan satu cara yang tertentu di mana tenaga-tenaga yang boleh digunakan daripada orang tempatan terutama orang Trengganu digunakan sedaya-upaya jikalau tidak ada berkehendakkan orang-orang yang paling skilled atau mahir—memang kami sedar tidak dapat tidak terpaksa lah diambil samada di kawasan lain dalam Malaysia ini ataupun boleh jadi daripada luar negeri.

Selain daripada supply base, barang-barang yang hendak digunakan saya percaya banyak selain daripada alat-alat yang mungkin akan dibawa daripada luar negeri, banyak alat-alat kecil yang mungkin diadakan dalam negeri ini samada negeri Trengganu, Kelantan, Pahang, Johor dan lain-lain mestilah dengan sedaya-upaya ditentukan dan ditegaskan di dalam satu-satu lesen yang dikeluarkan oleh satu-satu syarikat yang akan mengusahakan apa-apa juga lapangan perkhidmatan itu menggunakan barang-barang atau alat-alat yang dikeluarkan dan dibuat dalam negara kita ini. Walaupun ucapan saya ini pendek tetapi telah berulang kali saya ucapkan dan ini

bukanlah pertama kali dan kalau tidak silap saya dalam ucapan dasar Belanjawan tahun inipun saya telah bercakap dalam perkara ini. Perkara ini akan dipandang berat oleh pihak Kerajaan dan ini bukanlah satu rungutan atau tidak puas hati, tetapi saya rasa satu hasrat yang wajar yang datangnya daripada kebanyakan orang di dalam negeri Trengganu dan negeri-negeri lain di Pantai Timur. Mereka yang berharap dengan adanya minyak ini akan dapatlah menjadi satu jalan untuk menseimbangkan pendapatan orang-orang di Pantai Timur dengan orang-orang di Pantai Barat, terutama sekali orang-orang bumiputra yang telah tertinggal di sebelah Pantai Timur sana. Saya percaya pendapatan minyak ini akan dapatlah memberi kekuatan kewangan dan dengan itu memberi perkembangan kepada kemajuan seluruh negara kita ini.

6.24 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berdiri untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telahpun dengan kebijaksanaanya berjaya menyelesaikan masalah petroliaam ini.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan juga tahniah kepada PETRONAS yang secara ikhlas dan jujur cuba berusaha dan berikhtiar bagi melindungi kepentingan negara kita. Tidak boleh dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa minyak adalah bahan mentah yang begitu penting dan tidaklah boleh dinafikan juga bahawa minyak ini merupakan satu bahan mentah yang boleh habis dan tidak kekal. Saya sendiri tidak mengetahui berapa lama minyak boleh disedut keluar daripada negara kita ini, berapa banyak atau berapa barrel yang ada, saya kurang mengetahui, tetapi yang saya tahu ialah minyak ini merupakan satu bahan yang tidak kekal, boleh exhaust dan boleh habis. Tidak boleh dinafikan juga, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dewasa ini syarikat-syarikat multi-national merupakan satu economic creature yang begitu kuat, gagah, perkara boleh melemahkan dan mengganggu-gugat serta boleh mendokong sesebuah Kerajaan di dalam host country di mana syarikat multi-national itu operate ataupun bergerak.

Di dalam kita menyadari bahawa syarikat-syarikat multi-national itu begitu berkuasa, gagah di dalam pengakuan itu, saya sungguh-sungguh berharap dan merayu kepada syarikat-syarikat nasional petroliam yang terlibat di dalam industri Petroliam di Malaysia ini untuk menghormati tanggungjawab sosial mereka terhadap negara kita ini yang sedang membangun dan memerlukan pertolongan daripada semua pihak yang berkenaan lebih-lebih lagi di dalam usaha industri minyak ini yang memerlukan bukan sahaja technical know-how yang begitu tinggi, tetapi juga capital yang sama tinggi yang kedua-duanya amat berkurangan di negara kita dan mesti kita bergantung kepada syarikat-syarikat multi-national ini untuk memberikannya. Sungguhpun kita memerlukan kepada mereka dari segi capital dan technical know-how itu, namun demikian saya menyatakan sekali lagi bahawa saya sungguh-sungguh berharap pihak syarikat-syarikat multi-national ini akan memberi simpatinya, timbang-rasa dan mempunyai social responsibility terhadap host country Malaysia kita ini supaya kedua-dua pihak mendapat faedah daripada industri minyak ini. Bukan sahaja kita mengalu-alukan keuntungan supaya dapat diperolehi oleh syarikat-syarikat multi-national tetapi kita juga berharap bahawa host country Malaysia kita ini akan sama-sama mendapat faedah daripada hasil perkongsian di antara multi-national dengan Malaysia kita ini. Saya sungguh-sungguh berdoa dan berharap dengan adanya kerjasama dan persefahaman di antara kedua buah pihak ini maka masalah negara yang kita hadapi dengan berbagai-bagai bentuknya, terutama sekali di dalam keadaan hendak menseimbangkan kedudukan orang-orang Melayu iaitu bumi-

putra yang tertinggal di bidang-bidang yang tertentu maka kita harap usaha-berasama (partnership) di antara multi-national dengan Kerajaan Malaysia dan juga PETRONAS di dalam bidang petroliam ini akan dapat memberikan bantuan, sokongan demi untuk mencapai segala-gala matlamat yang penting itu demi perpaduan negara kita yang kita kasihi ini. Sungguhpun ada contoh-contoh di mana syarikat-syarikat multi-national ini di negara-negara yang lain telah tidak menunjukkan social responsibility mereka, mereka hanya mementingkan profit motive atau keuntungan semata-mata. Tetapi saya percaya multi-national yang terlibat di dalam perkongsian dengan Kerajaan Malaysia tidaklah terdiri daripada multi-national yang saya katakan itu. Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjangkah lagi?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada sedikit lagi boleh sambung esok. Esok Ahli Yang Berhormat dari Sepang boleh menyambung sedikit-sebanyak ucapannya, kemudian saya akan menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kedah berucap, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 17hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.